

| 1 | OVERVIEW | 1 | GAMBARAN KESELURUHAN |
|---|---|---|--|
| | <p>This Terms and Conditions (“T&C”) shall apply to the Customer who has been granted Personal Cash Line-i Facility (“Facility”) for personal consumption by Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 198301002944) (“Bank Islam”).</p> <p>The Customer is advised to read and understand this T&C before applying for the Facility.</p> | | <p>Terma dan Syarat (“T&C”) ini terpakai kepada Pelanggan yang diberikan kemudahan Aliran Tunai Peribadi-i (“Kemudahan”) bagi kegunaan peribadi oleh Bank Islam Malaysia Berhad (No. Syarikat 198301002944) (“Bank Islam”).</p> <p>Pelanggan dinasihatkan untuk membaca dan memahami T&C ini sebelum membuat permohonan Kemudahan.</p> |
| 2 | PURPOSE OF THE FACILITY | 2 | TUJUAN KEMUDAHAN |
| | <p>The Facility shall be utilised by the Customer exclusively for the personal purpose(s) not contravene to Shariah principles, but nothing herein shall render it obligatory on the part of Bank Islam to inquire into and/or ensure that the Facility is so used.</p> | | <p>Kemudahan ini hendaklah digunakan oleh Pelanggan secara sepenuhnya bagi tujuan-tujuan peribadi yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Shariah, tetapi tidak ada apa-apa dalam dokumen ini memberikan kewajipan bagi pihak Bank Islam untuk mempersoalkan dan/atau untuk memastikan Kemudahan ini digunakan bagi apa-apa tujuan.</p> |
| 3 | TENURE OF FINANCING | 3 | TEMPOH PEMBIAYAAN |
| | <p>The Facility shall be made available to the Customer during the Availability Period and subject to periodical review and any renewal thereafter (if any) shall be in the manner as set out herein.</p> | | <p>Kemudahan ini akan disediakan kepada Pelanggan semasa Tempoh Ketersediaan dan tertakluk kepada penilaian berkala dan sebarang pembaharuan selepas itu (sekiranya ada) akan mengikut kaedah seperti yang dinyatakan dalam dokumen ini.</p> |
| 4 | DEFINITIONS | 4 | DEFINISI |
| | <p>“Appointment of Bank Islam as Purchase Agent” is the Appointment of Bank Islam as Purchase Agent whereby the Customer has appointed Bank Islam as its agent to purchase the Commodity on its behalf from Bank Islam.</p> | | <p>“Pelantikan Bank Islam sebagai Ejen Belian” ialah Pelantikan Bank Islam sebagai Ejen Belian yang membolehkan Pelanggan melantik Bank Islam menjadi ejennya untuk membeli Komoditi daripada Bank Islam bagi pihaknya.</p> |
| | <p>“Appointment of Bank Islam as Sale Agent” is the Appointment of Bank Islam as Sale Agent whereby the Customer has appointed Bank Islam as its agent to sell the Commodity to the Commodity Purchaser.</p> | | <p>“Pelantikan Bank Islam sebagai Ejen Jualan” ialah Pelantikan Bank Islam sebagai Ejen Jualan yang membolehkan Pelanggan melantik Bank Islam menjadi ejennya untuk menjual Komoditi kepada Pembeli Komoditi.</p> |
| | <p>“Availability Period” is the period within which the Facility may be utilised, or such other period(s) specified by Bank Islam in writing.</p> | | <p>“Tempoh Ketersediaan” ialah tempoh yang mana dalam tempoh ini Kemudahan boleh digunakan atau sebarang tempoh lain yang dinyatakan secara bertulis oleh Bank Islam.</p> |
| | <p>“Bank Islam’s Purchase Price” is the amount payable or paid by Bank Islam to the Commodity Seller in the Confirmation of Transactions.</p> | | <p>“Harga Belian Bank Islam” ialah jumlah yang perlu atau telah dibayar oleh Bank Islam kepada Penjual Komoditi dalam Pengesahan Transaksi.</p> |
| | <p>“Bank Islam’s Sale Price” is the respective sale price payable by the Customer to Bank Islam which shall comprise Bank Islam’s Purchase Price and Profit under the Facility.</p> | | <p>“Harga Jualan Bank Islam” ialah harga jualan berkaitan yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank Islam termasuk Harga Belian Bank Islam dan Keuntungan di bawah Kemudahan ini.</p> |
| | <p>“Business Day” is a day (excluding Saturday, Sunday and public holidays) on which banks and financial institutions are open for transaction of business of the nature required by this T&C.</p> | | <p>“Hari Perniagaan” ialah hari (tidak termasuk hari Sabtu, Ahad dan cuti umum) yang mana bank-bank dan institusi-institusi kewangan dibuka untuk transaksi perniagaan seperti yang disifatkan di bawah T&C ini.</p> |
| | <p>“Commodity” means any commodity traded at any trading platform approved by Bank Islam, excluding gold and silver, or other commodity or asset acceptable to Bank Islam.</p> | | <p>“Komoditi” bermaksud apa-apa komoditi yang didagangkan di mana-mana platform dagangan yang diluluskan oleh Bank Islam, tidak termasuk emas dan perak, atau komoditi atau aset lain yang diterima oleh Bank Islam.</p> |
| | <p>“Commodity Purchaser” means any third party, other than the Commodity Seller, to whom Bank Islam shall sell the Commodity on behalf of the Customer.</p> | | <p>“Pembeli Komoditi” bermaksud mana-mana pihak ketiga, selain Penjual Komoditi, yang kepadanya Bank Islam akan menjual Komoditi bagi pihak Pelanggan.</p> |

| | | | |
|--|---|--|---|
| | <p>“Commodity Seller” means any third party from whom Bank Islam shall purchase the Commodity so as to sell it to the Customer.</p> | | <p>“Penjual Komoditi” bermaksud mana-mana pihak ketiga yang daripadanya Bank Islam akan membeli Komoditi untuk dijual kepada Pelanggan.</p> |
| | <p>“Confirmation of Transactions” is the Confirmation of Transactions relating to the Customer’s purchase and sale of the Commodity issued by Bank Islam to the Customer (upon request) confirming the sale of the Commodity to the Customer and to the Commodity Purchaser.</p> | | <p>“Pengesahan Transaksi” ialah Pengesahan Transaksi berhubung dengan pembelian dan penjualan Komoditi oleh Pelanggan yang dikeluarkan oleh Bank Islam kepada Pelanggan (atas permintaan) yang mengesahkan penjualan Komoditi kepada Pelanggan dan Pembeli Komoditi.</p> |
| | <p>“Designated Account” is a designated current or transactional investment accounts of the Customer with Bank Islam.</p> | | <p>“Akaun Yang Ditentukan ” ialah akaun semasa atau akaun pelaburan transaksi yang ditentukan milik Pelanggan dengan Bank Islam.</p> |
| | <p>“Documents Evidencing Registration and/or Incorporation of Security Party” refers to all the relevant certified true copies documents which are pertinent to the registration, formation, incorporation of the Security Party with the relevant authority and includes any other relevant documents in the form and substance acceptable to Bank Islam.</p> | | <p>“Dokumen-Dokumen Pembuktian Pendaftaran dan/atau Penubuhan Pihak Sekuriti” merujuk kepada semua salinan dokumen asal yang disahkan, yang berkaitan dengan pendaftaran, pembentukan, penubuhan Pihak Sekuriti dengan pihak berkuasa berkaitan dan juga termasuk apa-apa dokumen berkaitan dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh Bank Islam.</p> |
| | <p>“Effective Profit Rate” refers to the rate in which the actual profit charge is computed and may vary subject to Bank Islam’s approval.</p> | | <p>“Kadar Keuntungan Efektif” merujuk kepada kadar di mana caj keuntungan yang sebenar akan dikira dan ianya tertakluk kepada perubahan bergantung kepada persetujuan Bank Islam.</p> |
| | <p>“Event of Default” refers to any of the events specified in Clause 22 of this T&C.</p> | | <p>“Kejadian Mungkir” merujuk kepada mana-mana kejadian yang dinyatakan dalam Fasal 22 T&C ini.</p> |
| | <p>“Guarantee” refers to a Guarantee executed by the Guarantor in favour of Bank Islam guaranteeing the payment of the Indebtedness in the format determined by Bank Islam.</p> | | <p>“Jaminan” merujuk kepada Jaminan yang dilaksanakan oleh Penjamin di atas nama Bank Islam bagi menjamin pembayaran Keterhutangan dalam format yang ditentukan oleh Bank Islam.</p> |
| | <p>“Guarantor” refers to the person who executes the Guarantee guaranteeing the payment of the Indebtedness and includes their respective assigns, personal representatives, executors, administrators and estates (if applicable).</p> | | <p>“Penjamin” merujuk kepada orang yang melaksanakan Jaminan bagi menjamin pembayaran Keterhutangan termasuk setiap penerima serah hak, wakil diri, wasi, dan pentadbir harta pusaka (jika berkenaan).</p> |
| | <p>“Indebtedness” refers to Bank Islam’s Sale Price or any part thereof outstanding and all other monies whatsoever including but not limited to fees, costs (including legal costs on a solicitor and client basis), charges and expenses due and payable to Bank Islam pursuant to the Facility.</p> | | <p>“Keterhutangan” merujuk kepada Harga Jualan Bank Islam atau mana-mana bahagiannya yang belum dijelaskan dan semua wang lain termasuk tetapi tidak terhad kepada fi, kos (termasuk kos guaman atas dasar peguam cara dan anak guam), caj dan perbelanjaan yang terhutang dan perlu dibayar kepada Bank Islam menurut Kemudahan ini.</p> |
| | <p>“Legal Process” refers to pleadings, all forms of originating process, interlocutory applications of whatever nature, affidavits, orders and such documents other than the aforesaid which are required to be served under the Rules of Court 2012, Rules of the Court of Appeal 1994 and Rules of the Federal Court 1995 including any amendment thereunder and notices required to be given to the other under the Security Documents, documents and correspondence between the parties hereto, notices under the Companies Act, 2016, the Insolvency Act 1967 and the National Land Code 1965/ the Sarawak Land Code (Cap 81)/ the Sabah Land Ordinance (Cap 68) (as the case may be) including any amendment and the rules made thereunder.</p> | | <p>“Proses Undang-undang” merujuk kepada pernyataan, semua bentuk proses asal, permohonan interlocutori dalam apa-apa jua bentuk, afidavit, perintah dan dokumen sedemikian selain daripada yang tersebut yang perlu disampaikan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 termasuk sebarang pindaan di bawahnya dan notis yang diperlukan untuk diberikan kepada pihak lain di bawah Dokumen Sekuriti, dokumen dan surat-menyurat antara pihak-pihak di sini, notis di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Kebankrapan 1967 dan Kanun Tanah Negara 1965/ Kanun Tanah Sarawak (Bab 81)/ Ordinan Tanah Sabah (Bab 68) (mengikut mana yang berkenaan) termasuk sebarang pindaan dan peraturan yang dibuat di bawahnya.</p> |
| | <p>“Letter of Offer” refers to Bank Islam’s offer of Facility to the Customer includes any amendment, variation or modification and any supplemental letter thereto and/or renewal thereof.</p> | | <p>“Surat Tawaran” merujuk kepada tawaran Kemudahan oleh Bank Islam kepada Pelanggan merangkumi sebarang pindaan, variasi atau pengubahsuaian serta sebarang surat tambahan dan/atau pembaharuan.</p> |

| | | | |
|--|---|--|--|
| | <p>"Marginal Deposit Account" is a deposit account opened by Bank Islam under the concept of Qard for the purpose of depositing the Proceeds.</p> | | <p>"Akaun Deposit Marginal" adalah akaun deposit yang dibuka oleh Bank Islam di bawah konsep Qard untuk tujuan menandatangani Hasil.</p> |
| | <p>"Month" refers to a Gregorian calendar month.</p> | | <p>"Bulan" merujuk kepada bulan calendar Gregory.</p> |
| | <p>"Proceeds" refers to the amount payable to the Customer on the sale of the Commodities to any third party by Bank Islam as an agent to the Customer which amount also constitutes the Facility.</p> | | <p>"Hasil" merujuk kepada jumlah perlu bayar kepada Pelanggan bagi penjualan Komoditi kepada mana-mana pihak ketiga yang dilakukan oleh Bank Islam sebagai ejen kepada Pelanggan yang jumlahnya juga membentuk Kemudahan ini.</p> |
| | <p>"Profit" refers to the difference between Bank Islam's Sale Price payable herein and the Facility and the method of recognition of the profit margin as Bank Islam's income shall be in accordance with Bank Islam's accounting policy prevailing at the material time.</p> | | <p>"Keuntungan" merujuk kepada perbezaan antara Harga Jualan Bank Islam yang perlu dibayar dalam dokumen ini dengan Kemudahan serta kaedah pengiktirafan margin keuntungan sebagai pendapatan Bank Islam selaras dengan dasar perakaunan Bank Islam yang lazim pada masa material.</p> |
| | <p>"Ringgit Malaysia" refers to the lawful currency of Malaysia in which all payments are to be made under this T&C.</p> | | <p>"Ringgit Malaysia" merujuk kepada mata wang sah Malaysia untuk semua pembayaran yang perlu dibuat di bawah T&C ini.</p> |
| | <p>"Security" refers to a Security provided by the Security Party in securing the payment of Indebtedness to Bank Islam. The Guarantee and any other security for the time being or from time to time constituting security for the obligations and liabilities (including but not limited to the payment of the Indebtedness) of the Customer under and in connection with the Facility.</p> | | <p>"Sekuriti" merujuk kepada Sekuriti yang disediakan oleh Pemberi Sekuriti bagi menjamin pembayaran Keterhutangan kepada Bank Islam. Jaminan dan sekuriti lain pada masa ini atau dari semasa ke semasa membentuk sekuriti bagi obligasi dan liabiliti Pelanggan (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran Keterhutangan) di bawah dan berhubung dengan Kemudahan.</p> |
| | <p>"Security Documents" refers to the Guarantee and any other security documents for the time being or from time to time constituting security for the obligations and liabilities (including but not limited to the payment of the Indebtedness) of the Customer under and in connection with the Facility.</p> | | <p>"Dokumen Sekuriti" merujuk kepada Jaminan dan apa-apa dokumen sekuriti lain pada masa ini atau dari semasa ke semasa membentuk sekuriti bagi obligasi dan liabiliti Pelanggan (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran Keterhutangan) di bawah dan berhubung dengan Kemudahan.</p> |
| | <p>"Security Interest" refers to any mortgage, charge, pledge, caveat, right of set off or any other security interest whatsoever, howsoever created or arising.</p> | | <p>"Kepentingan Sekuriti" merujuk kepada sebarang gadai janji, caj, gadaian, kaveat, hak tolakan atau sebarang kepentingan sekuriti lain, walau bagaimana sekalipun ia diwujudkan atau timbul.</p> |
| | <p>"Trade Transactions" refers to the purchase and the sale of the commodity pursuant to this T&C.</p> | | <p>"Urus Niaga Perdagangan" merujuk kepada pembelian dan penjualan Komoditi menurut T&C ini.</p> |
| | <p>"Security Party" refers to the Customer and parties for the time being providing security for the obligations and liabilities of the Customer (including but not limited to the payment of the Indebtedness) under and in connection with the Facility.</p> | | <p>"Pemberi Sekuriti" merujuk kepada pelanggan dan pihak-pihak yang pada masa ini memberikan sekuriti bagi obligasi dan liabiliti Pelanggan (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran Keterhutangan) di bawah dan berhubung dengan Kemudahan.</p> |
| | <p>"Transaction Documents" refers to transactions documents as follows:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Letter of Offer or Offer; ii. This T&C; iii. The Confirmation of Transactions; and iv. The Security Documents; <p>and any agreements, certificates and documents entered into by Bank Islam in connection with the Trade Transactions.</p> | | <p>"Dokumen Transaksi" merujuk kepada Dokumen Transaksi seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Surat Tawaran atau Tawaran; ii. T&C ini; iii. Pengesahan Transaksi; dan iv. Dokumen Sekuriti; <p>serta apa-apa perjanjian, sijil dan dokumen yang dilaksanakan oleh Bank Islam berhubung dengan Urus Niaga Perdagangan.</p> |

| | | | |
|------------|---|------------|--|
| 5 | DEFINITIONS OF MUAMALAT TERMINOLOGIES | 5 | TAKRIF ISTILAH MUAMALAT |
| | <p>“Murabahah” refers to a sale and purchase of asset where the acquisition cost and the mark-up are disclosed to the purchaser.</p> | | <p>“Murabahah” merujuk kepada jualan dan pembelian sesuatu aset dimana kos perolehan dan margin keuntungan didedahkan kepada pembeli.</p> |
| | <p>“Tawarruq” consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.</p> | | <p>“Tawarruq” terdiri daripada dua kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tertangguh. Seterusnya, pembeli dalam jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan segera.</p> <p>“Tawarruq” bermaksud Pembelian komoditi secara bayaran tangguh. Komoditi kemudiannya dijual oleh pembeli secara tunai kepada satu pihak selain penjual asal.</p> |
| | <p>“Wakalah” refers to a contract where a party, as principal (<i>muwakkil</i>) authorizes another party as his agent (<i>wakil</i>) to perform a particular task on matters that may be delegated, with or without imposition of a fee.</p> | | <p>“Wakalah” merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu mengenai perkara-perkara yang boleh ditugaskan, dengan atau tanpa dikenakan yuran.</p> |
| 6 | INTERPRETATIONS | 6 | TAFSIRAN |
| | <p>Words and expressions denoting the singular number only shall include the plural and vice versa and words and expressions denoting the masculine gender only shall include the feminine and neuter gender.</p> | | <p>Perkataan dan ungkapan yang menunjukkan mufrad sahaja hendaklah merangkumi jamak dan sebaliknya serta perkataan dan ungkapan yang menunjukkan jantina maskulin sahaja hendaklah merangkumi jantina feminin dan neuter.</p> |
| | <p>Reference to clauses and schedules shall, unless otherwise expressly provided, be references to Clauses of and the Schedules to this T&C.</p> | | <p>Rujukan kepada fasal dan jadual hendaklah, melainkan diperuntukkan sebaliknya dengan nyata, menjadi rujukan kepada Fasal dan Jadual dalam T&C ini.</p> |
| | <p>The headings in this T&C are inserted for convenience only and shall be ignored in construing the provisions of this T&C.</p> | | <p>Tajuk dalam T&C ini dimasukkan untuk memudahkan rujukan sahaja dan hendaklah diabaikan semasa mentafsirkan peruntukan T&C ini.</p> |
| 7 | GENERAL TERMS FOR TAWARRUQ ARRANGEMENT | 7 | TERMA AM PELAKSANAAN TAWARRUQ |
| | <p>This Facility is offered based on the concept of Tawarruq.</p> | | <p>Pembiayaan ini ditawarkan berdasarkan konsep Tawarruq.</p> |
| 7.1 | Method of Financing | 7.1 | Kaedah Pembiayaan |
| | <p>Under the Tawarruq arrangement and pursuant to Bank Islam’s financing procedure, the Customer will purchase the Commodity from Bank Islam on a deferred payment basis and then sell the Commodity to a third party to obtain cash in the following manner:</p> | | <p>Di bawah pengaturan Tawarruq dan menurut prosedur pembiayaan Bank Islam, Pelanggan akan membeli komoditi daripada Bank Islam secara bayaran tangguh dan kemudiannya menjual komoditi itu kepada pihak ketiga untuk mendapatkan wang tunai mengikut kaedah yang berikut:</p> |
| | <p>i. Purchase of Commodity by Customer from Bank Islam</p> <p>Pursuant to the Appointment of Bank Islam as Purchase Agent, under which the Customer has appointed Bank Islam as its agent to purchase the commodity from Bank Islam on terms and conditions contained in Clause 7.2 hereof, Bank Islam shall enter into a Murabahah transaction with the Customer on the terms and conditions contained herein whereby the Customer shall pay Bank Islam’s Sale Price on a deferred payment basis.</p> | | <p>i. Pembelian Komoditi oleh Pelanggan daripada Bank</p> <p>Selaras dengan Pelantikan Bank Islam sebagai Ejen Belian yang membolehkan Pelanggan melantik Bank menjadi ejennya untuk membeli komoditi daripada Bank berdasarkan Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang terkandung dalam Fasal 7.2 dokumen ini, Bank hendaklah melaksanakan transaksi Murabahah dengan Pelanggan mengikut terma dan syarat yang terkandung di sini dan Pelanggan hendaklah membayar Harga Jualan Bank Islam secara bayaran tangguh.</p> |
| | <p>ii. Sale of Commodity by Customer through Bank Islam as agent</p> <p>The Customer, pursuant to the Appointment of Bank Islam as Sale Agent, has appointed Bank</p> | | <p>ii. Penjualan Komoditi oleh Pelanggan melalui Bank Islam sebagai Ejen</p> <p>Selaras dengan Pelantikan Bank Islam sebagai Ejen Jualan, Pelanggan melantik Bank Islam menjadi ejennya</p> |

| | | | |
|--------------|---|--------------|---|
| | Islam as its agent to sell the Commodity for the purpose of realising the Proceeds on terms and conditions contained in Clause 7.2 hereof. Bank Islam will sell the Commodity to the Commodity Purchaser on a spot payment basis. | | untuk menjual Komoditi bagi tujuan mendapatkan Hasil berdasarkan terma dan syarat yang terkandung dalam Fasal 7.2 dokumen ini. Bank Islam akan menjual Komoditi kepada Pembeli Komoditi secara bayaran lani. |
| | iii. Confirmation of Transactions Upon the conclusion of the sale of the commodity to the Commodity Purchaser as set out in Clause 7.1(ii), Bank Islam, upon the request of the Customer, will issue the Confirmation of Transactions. | | iii. Pengesahan Transaksi Setelah selesai penjualan komoditi kepada Pembeli Komoditi seperti yang dinyatakan dalam Fasal 7.1(ii), Bank Islam, atas permintaan Pelanggan, akan mengeluarkan Pengesahan Transaksi. |
| | iv. Disbursement of the Facility Upon the conclusion of the sale of the Commodity to the Commodity Purchaser as set out in Clause 7.1(ii), Bank Islam shall credit the Proceeds into the Marginal Deposit Account for further utilization. | | iv. Pembayaran Kemudahan Setelah berakhirnya penjualan Komoditi kepada Pembeli Komoditi seperti yang dinyatakan dalam Fasal 7.1(ii), Bank Islam akan mengkreditkan Hasil ke Akaun Deposit Marginal untuk penggunaan. |
| 7.2 | Terms and Conditions of the Agency | 7.2 | Terma-Terma dan Syarat-Syarat Agensi |
| 7.2.1 | Nature and Scope of Agency | 7.2.1 | Sifat dan Skop Agensi |
| | i. The appointment of Bank Islam as the Customer's agent pursuant to the Appointment of Bank Islam as Purchase Agent and the Appointment of Bank Islam as Sale Agent shall be unconditional and irrevocable and Bank Islam, as the Customer's agent, shall carry out the following respectively: a. to act on the Customer's behalf so as to conclude the Customer's purchase of the commodity from Bank Islam; and b. to act on the Customer's behalf so as to conclude the Customer's sale of the commodity to the Commodity Purchaser. | | i. Pelantikan Bank Islam sebagai ejen Pelanggan selaras dengan Pelantikan Bank Islam sebagai Ejen Belian dan Pelantikan Bank Islam sebagai Ejen Jualan adalah tanpa syarat dan muktamad dan sebagai ejen Pelanggan, Bank Islam hendaklah melakukan setiap perkara yang berikut: a. bertindak bagi pihak Pelanggan untuk menyempurnakan pembelian Komoditi oleh Pelanggan daripada Bank Islam; dan b. bertindak bagi pihak Pelanggan untuk menyempurnakan penjualan Komoditi oleh Pelanggan kepada Pembeli Komoditi. |
| | ii. Bank Islam is hereby authorised to execute and deliver such documents or instruments as shall be deemed necessary by Bank Islam for the performance of its obligations in connection with the matters set out in Clause 7.2.1(i). | | ii. Bank Islam dengan ini diberi kuasa untuk menyempurnakan dan menyerahkan dokumen atau surat cara tersebut sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Bank Islam bagi melaksanakan obligasinya berhubung dengan perkara yang dinyatakan dalam Fasal 7.2.1(i). |
| | iii. Bank Islam shall use its reasonable endeavours to ensure that the proceeds of sale of the commodity by it as contemplated by Clause 7.2.1(i)(b) shall not be less than Bank Islam's Purchase Price. | | iii. Bank Islam hendaklah berusaha sewajarnya untuk memastikan hasil jualan komoditi seperti yang dinyatakan dalam Fasal 7.2.1(i)(b) tidak akan kurang daripada Harga Belian Bank Islam. |
| | iv. Without prejudice to the generality of Clause 7.2.1(i), the Customer acknowledges that under the arrangements Bank Islam has with the Commodity Purchaser or any other suppliers or third party counterparties, Bank Islam may be required to (and the Customer agrees that Bank Islam may) disclose it is acting as the Customer's agent and to name the Customer as its principal. | | iv. Tanpa menjejaskan keluasan makna dalam Fasal 7.2.1(i), Pelanggan mengakui bahawa di bawah pengaturan yang dibuat antara Bank Islam dengan Pembeli Komoditi atau mana-mana pembekal lain atau rakan niaga pihak ketiga, Bank Islam mungkin perlu (dan Pelanggan bersetuju bahawa Bank Islam boleh) mendedahkan bahawa ia bertindak sebagai ejen Pelanggan dan menamakan Pelanggan sebagai prinsipalnya. |
| | v. The Customer undertakes to establish and maintain an account or accounts with Bank Islam (the Account) which Bank Islam is authorised to operate on behalf of the Customer (if applicable). | | v. Pelanggan mengaku janji untuk membuka dan mengekalkan akaun dengan Bank Islam (Akaun) dan Bank Islam diberi kuasa untuk mengendalikannya bagi pihak Pelanggan (jika berkenaan). |
| | vi. Bank Islam acknowledges and confirms that all amounts of Proceeds to the Customer in respect of the disposal of the commodity as contemplated in Clause 7.2.1(i)(b) above shall be credited in the Customer's Marginal Deposit Account and the Customer shall do all things necessary to affect the provisions of this T&C. | | vi. Bank Islam mengakui dan mengesahkan bahawa semua jumlah Hasil untuk Pelanggan berhubung dengan penjualan Komoditi seperti yang dinyatakan dalam Fasal 7.2.1(i)(b) di atas hendaklah dikreditkan ke dalam Akaun Deposit Marginal Pelanggan dan Pelanggan hendaklah melakukan semua perkara yang perlu untuk melaksanakan peruntukan dalam T&C ini. |

| 7.2.2 | Extent of Agency | 7.2.2 | Bidang Kuasa Agensi |
|-------|--|-------|---|
| | <p>i. In connection with its powers, discretions, authorities and duties under this T&C, Bank Islam shall act solely as the agent of the Customer on a restricted limited basis (i.e. as agent on a deal-by-deal basis) to the extent expressly provided herein and shall not otherwise be regarded as agent for and on behalf of the Customer in any other respect whatsoever.</p> | | <p>i. Berhubung dengan kuasa autoriti dan tanggungjawabnya di bawah T&C ini, Bank Islam hendaklah bertindak semata-mata sebagai ejen Pelanggan atas dasar terbatas dan terhad (iaitu sebagai ejen mengikut urus janji) setakat yang diperuntukkan dengan nyatanya dalam dokumen ini dan tidak boleh selainnya dianggap sebagai ejen untuk dan bagi pihak Pelanggan dalam apa jua hal lain.</p> |
| | <p>ii. The appointment of Bank Islam under the Appointment of Bank Islam as Purchase Agent shall be effective from the date of the Appointment of Bank Islam as Purchase Agent and shall end upon the purchase of the commodity from Bank Islam.</p> | | <p>ii. Pelantikan Bank Islam di bawah Pelantikan Bank Islam sebagai Ejen Belian hendaklah berkuat kuasa dari tarikh Pelantikan Bank Islam sebagai Ejen Belian dan akan tamat setelah Komoditi dibeli daripada Bank Islam.</p> |
| | <p>iii. The appointment of Bank Islam under the Appointment of Bank Islam as Sale Agent shall be effective from the date of the Appointment of Bank Islam as Sale Agent and shall end upon the sale of the commodity to the third party.</p> | | <p>iii. Pelantikan Bank Islam di bawah Pelantikan Bank Islam sebagai Ejen Jualan hendaklah berkuat kuasa dari tarikh Pelantikan Bank Islam sebagai Ejen Jualan dan akan tamat setelah Komoditi dijual kepada pihak ketiga.</p> |
| 7.2.3 | Brokerage Fees and Expenses | 7.2.3 | Fi dan Perbelanjaan Pembrokeran |
| | <p>To the extent that any of the expenses, fees and commissions have not been ascertained and invoiced to Bank Islam by the Commodity Purchaser by the time that the Customer incurs the obligation to make the payment of Bank Islam's Sale Price in accordance with this T&C, then such expenses, fees and commissions shall become due and payable by the Customer to Bank Islam upon Bank Islam receiving the appropriate invoice from the Commodity Purchaser and upon Bank Islam then providing the appropriate invoice to the Customer.</p> | | <p>Selagi apa-apa perbelanjaan, fi dan komisen tidak dipastikan dan invois belum dikeluarkan kepada Bank Islam oleh Pembeli Komoditi pada masa Pelanggan menanggung obligasi untuk membuat pembayaran Harga Jualan Bank Islam menurut T&C ini, maka perbelanjaan, fi dan komisen tersebut akan menjadi terhutang dan perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank Islam setelah Bank Islam menerima invois yang sewajarnya daripada Pembeli Komoditi dan setelah Bank Islam kemudiannya menyerahkan invois yang sewajarnya kepada Pelanggan.</p> |
| 7.2.4 | Indemnity | 7.2.4 | Tanggung Rugi |
| | <p>i. Bank Islam shall not be liable to the Customer in contract or tort or otherwise for any direct or indirect financial or economic losses, costs, liabilities or expenses (including, without limitation, loss of profit, loss of savings or loss of goodwill) save for those directly arising as a result of Bank Islam's misconduct, negligence or breach of specified terms. Bank Islam shall not be liable in relation to any default, negligence or fraud of the Commodity Seller, the Commodity Purchaser or any other person, firm or company with whom transactions in Clause 7.2 is effected for the account of the Customer.</p> | | <p>i. Bank Islam tidak akan bertanggung terhadap Pelanggan dalam kontrak atau tort atau selainnya bagi apa-apa kerugian kewangan atau ekonomi, kos, liabiliti atau perbelanjaan langsung atau tidak langsung (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kehilangan untung, kehilangan wang simpanan atau kehilangan nama baik) kecuali ia secara langsung timbul akibat salah laku, kecuaiian atau pelanggaran syarat tertentu oleh Bank Islam. Bank Islam tidak akan bertanggung berhubung dengan apa-apa kemungkiran, kecuaiian atau penipuan Penjual Komoditi, Pembeli Komoditi atau mana-mana orang lain, firma atau syarikat yang dengannya transaksi dalam Fasal 7.2 dilakukan untuk kepentingan Pelanggan.</p> |
| | <p>ii. Bank Islam shall not be liable for any failure of the Customer to duly and punctually perform any of its respective duties or obligations under this T&C.</p> | | <p>ii. Bank Islam tidak akan bertanggung terhadap apa-apa kegagalan Pelanggan untuk melaksanakan apa-apa tanggungjawab atau obligasi masing-masing di bawah T&C ini dengan sewajarnya dan tepat pada masanya.</p> |
| | <p>iii. To the extent not otherwise recovered, the Customer shall keep Bank Islam indemnified from and against any loss, cost (including any cost of enforcement), liability (including any tax liability), claim, demand or damages which Bank Islam suffers or incurs in the lawful and proper exercise of its duties under this T&C save where such losses, costs, liabilities, claims, demands or damages directly arise by reason of any misconduct, negligence or breach of specified terms on the part of Bank Islam.</p> | | <p>iii. Selagi tidak didapatkan kembali selainnya, Pelanggan hendaklah memastikan Bank Islam dilindungi daripada dan terhadap apa-apa kerugian, kos (termasuk apa-apa kos penguatkuasaan), liabiliti (termasuk apa-apa liabiliti cukai), tuntutan, permintaan atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Bank Islam dalam melaksanakan tanggungjawabnya dengan betul dan mengikut undang-undang di bawah T&C ini, kecuali jika kerugian, kos, liabiliti, tuntutan, permintaan atau ganti rugi tersebut timbul secara langsung oleh sebab apa-apa salah laku, kecuaiian atau pelanggaran syarat tertentu di pihak Bank Islam.</p> |

| | | | |
|--------------|--|--------------|--|
| 7.2.5 | Confidentiality | 7.2.5 | Kerahsiaan |
| | Subject to Clause 7.2.1(iv) and Clause 7.2.7, the contents of this Clause and the transactions contemplated by Clause 7.2.1(i)(a) and (b) shall be kept confidential by the parties for the duration of this T&C and after it shall terminate save to the extent that any such matter shall become a matter of public knowledge other than through the fault of the parties and save as required by an order of a court of competent jurisdiction or a competent administrative authority. | | Tertakluk kepada Fasal 7.2.1(iv) dan Fasal 7.2.7, kandungan Fasal ini dan transaksi yang dinyatakan dalam Fasal 7.2.1(i)(a) dan (b) hendaklah dirahsiakan oleh semua pihak sepanjang tempoh T&C ini dan selepas ia ditamatkan melainkan setakat apa-apa perkara tersebut menjadi perkara yang diketahui umum selain disebabkan oleh kesalahan semua pihak dan kecuali sebagaimana dikehendaki oleh suatu perintah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten atau pihak berkuasa pentadbiran yang kompeten. |
| 7.2.6 | Assignment | 7.2.6 | Penyerahan Hak |
| | Bank Islam may assign or transfer all its rights, benefits or obligations under any transaction under this Clause 7.2 to any company in the group of companies of which it is a member or any of its affiliates with sufficient notice to the Customer. | | Bank Islam boleh menyerahkan hak dan/atau memindahkan kesemua hak, manfaat atau obligasinya dibawah mana-mana transaksi di bawah Fasal 7.2 ini kepada mana-mana syarikat dalam kumpulan syarikat yang Bank Islam merupakan ahli atau mana-mana gabungannya dengan notis yang mencukupi kepada Pelanggan. |
| 7.2.7 | Delivery of Commodity | 7.2.7 | Penghantaran Komoditi |
| | In the event the Customer wishes to take delivery of the Commodity, the property to be charged under Clause 21 (Security) hereof shall have been perfected and/or registered with the relevant registries and authorities and/or, where applicable, any account which the Customer maintains with any third party that Bank Islam requires to be settled, shall have been first settled and all costs incurred thereby shall be borne by the Customer. | | Sekiranya Pelanggan ingin mengambil Komoditi, harta yang akan dibebankan di bawah Fasal 21 di sini telah disempurnakan dan / atau didaftarkan dengan daftar dan pihak berkuasa yang relevan dan / atau, jika ada, setiap akaun yang disimpan oleh Pelanggan dengan mana-mana pihak ketiga yang dikehendaki oleh pihak Bank Islam untuk diselesaikan, harus diselesaikan terlebih dahulu dan semua kos yang ditanggung olehnya akan ditanggung oleh Pelanggan. |
| 7.2.8 | Proceeds from Sale of Commodity | 7.2.8 | Hasil daripada Penjualan Komoditi |
| | i. Upon the conclusion of the sale of the Commodity to the Commodity Purchaser as set out in Clause 7.1(ii), the Proceeds of the sale of the Commodity which is equivalent to Bank Islam's Purchase Price will be disbursed into the Marginal Deposit Account for utilization. | | i. Setelah berakhirnya penjualan Komoditi kepada Pembeli Komoditi sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 7.1(ii), Hasil penjualan Komoditi yang bersamaan dengan Harga Belian Bank Islam akan disalurkan ke Akaun Deposit Marginal untuk digunakan. |
| | ii. The parties agree that the Commodity shall not be the subject matter of any other Tawarruq transaction at any one time. | | ii. Kedua-dua pihak bersetuju bahawa Komoditi tidak akan menjadi subjek transaksi Tawarruq lain pada satu-satu masa. |
| 8 | EARLY SETTLEMENT AND IBRA' (REBATE) | 8 | PENYELESAIAN AWAL DAN IBRA' (REBAT) |
| 8.1 | Definition of Early Settlement | 8.1 | Takrifan Penyelesaian Awal |
| | <p>"Early Settlement" refers to a settlement prior to the expiry of the Facility tenure by the Customer including, but is not limited to the following situations:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Customer who make an early settlement or redemption, including those arising from prepayment; or ii. Settlement of the original financing contract due to financing restructuring exercise; or iii. Settlement by Customer in the case of default; or iv. Settlement by Customer in the event of termination or cancellation of Facility before the maturity date. | | <p>"Penyelesaian Awal" merujuk kepada penyelesaian sebelum tamat tempoh Kemudahan oleh Pelanggan termasuk, tetapi tidak terhad kepada keadaan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelanggan yang membuat penyelesaian atau penebusan awal, termasuk penyelesaian ekoran daripada prabayaran; atau ii. Penyelesaian kontrak pembiayaan asal disebabkan oleh pelaksanaan penstrukturan semula pembiayaan; atau iii. Penyelesaian oleh Pelanggan dalam hal kemungkiran; atau iv. Penyelesaian oleh Pelanggan sekiranya berlaku penamatan atau pembatalan Kemudahan sebelum tarikh matang. |

| | | | |
|------------|---|------------|---|
| | <p>“Early Settlement Amount” refers to an outstanding Bank Islam’s Sale Price minus Ibra’ on Early Settlement minus undisbursed (or unutilized) amount minus advances by the Customer plus temporary excess plus advances by Bank Islam plus Ta’widi plus Early Settlement Charges.</p> <p><u>Note:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Outstanding Bank Islam’s Sale Price = Outstanding Bank Islam’s Purchase Price + Profit Overdue + Deferred Profit. ii. Advances by Bank Islam including Takaful contribution/ insurance premium, legal fees, quit rent etc. iii. Early Settlement Charges means actual costs allowed by Shariah Supervisory Council of Bank Islam. | | <p>“Jumlah Penyelesaian Awal” merujuk kepada Harga Jualan Bank Islam yang belum dijelaskan tolak Ibra’ bagi Penyelesaian Awal tolak jumlah yang belum dibayar (atau belum digunakan) tolak pendahuluan oleh Pelanggan tambah lebih sementara tambah pendahuluan oleh Bank Islam tambah Ta’widi tambah Caj Penyelesaian Awal.</p> <p><u>Nota:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Harga Jualan Bank Islam yang belum dijelaskan = Harga Belian Bank Islam yang belum dijelaskan + Keuntungan Tertunggak + Keuntungan Tertanggung ii. Pendahuluan oleh Bank termasuk sumbangan Takaful/ premium insurans, fi guaman, cukai tanah dll. iii. Caj Penyelesaian Awal ertinya kos sebenar yang dibenarkan oleh Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam. |
| 8.2 | Ibra’ (Rebate) | 8.2 | Ibra’ (Rebat) |
| | In the event of Early Settlement of the Facility, Bank Islam undertakes to grant to the Customer an Ibra’ which is equivalent to the Deferred Profit at the point of settlement. | | Jika Penyelesaian Awal Kemudahan dibuat, Bank Islam mengaku janji untuk memberikan Ibra’ kepada Pelanggan yang bersamaan dengan Keuntungan Tertanggung pada masa penyelesaian. |
| | <u>Ibra’ Formula:</u> Ibra’ on Early Settlement = Deferred Profit | | <u>Formula Ibra’:</u> Ibra’ bagi Penyelesaian Awal = Keuntungan Tertanggung |
| | <p><u>Note:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Deferred Profit = Total Contracted Profit – Accrued Profit. ii. Total Contracted Profit = Bank Islam’s Sale Price – Bank Islam’s Purchase Price. iii. Accrued Profit is calculated based on Effective Profit Rate of the outstanding Bank Islam’s Purchase Price being disbursed (or utilized). | | <p><u>Nota:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Keuntungan Tertanggung = Jumlah Keuntungan DiKontrakkan –Keuntungan Terakru ii. Jumlah Keuntungan DiKontrakkan = Harga Jualan Bank Islam – Harga Belian Bank Islam iii. Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif bagi Harga Belian Bank Islam yang belum dijelaskan dan yang telah dikeluarkan (atau digunakan). |
| 9 | UTILISATION OF THE FACILITY | 9 | PENGGUNAAN KEMUDAHAN |
| 9.1 | Upon the conclusion of the sale of the Commodity to the Commodity Purchaser, Bank Islam shall credit the Proceeds into the Marginal Deposit Account. Such crediting of the Proceeds shall be constituted the disbursement of the Facility to or for the benefit of the Customer. | 9.1 | Setelah penjualan Komoditi kepada Pembeli Komoditi selesai, Bank Islam akan mengkreditkan Hasil ke dalam Akaun Deposit Marginal. Pengkreditan Hasil ini akan dianggap sebagai pengeluaran Kemudahan kepada atau untuk kepentingan Pelanggan. |
| 9.2 | Bank Islam shall permit the Customer to utilise the Facility via the Designated Account either by the Customer issuing cheques drawn on Bank Islam or by means of debit card or transfer or by such other mode as may be agreed between the Customer and Bank Islam from time to time. | 9.2 | Bank Islam akan membenarkan Pelanggan menggunakan Kemudahan melalui Akaun Yang Ditentukan sama ada dengan Pelanggan mengeluarkan cek atas Bank Islam atau melalui kad debit atau pemindahan atau dengan cara lain yang dipersetujui antara Pelanggan dan Bank Islam dari semasa ke semasa. |
| 9.3 | The Facility shall be utilised only towards the purpose specified in Clause 2 unless otherwise agreed to in writing by Bank Islam. | 9.3 | Kemudahan hanya boleh digunakan untuk tujuan yang dinyatakan dalam Fasal 2 melainkan jika dipersetujui sebaliknya secara bertulis oleh Bank Islam. |
| 9.4 | The Customer shall at all times conduct the Designated Account in accordance with the terms and conditions of the respective Designated Account. | 9.4 | Pelanggan hendaklah sentiasa mengendalikan Akaun Yang Ditentukan mengikut terma dan syarat Akaun Yang Ditentukan yang berkenaan. |
| 9.5 | Bank Islam may grant the Customer sums in excess of the Facility as per terms stated in Clause 12. | 9.5 | Bank Islam boleh memberikan Pelanggan jumlah yang melebihi Kemudahan mengikut terma yang dinyatakan dalam Fasal 12. |

| 10 | LIMITED OBLIGATION OF BANK ISLAM | 10 | OBLIGASI TERHAD BANK ISLAM |
|-------------|--|-------------|---|
| | Notwithstanding any other provisions herein contained, Bank Islam's obligation to disburse the Facility shall be limited to and not exceed the aggregate amount of the Proceeds. Any monies payable by the Customer to any party which exceed the Proceeds shall be borne and paid by the Customer. | | Dengan tidak menyentuh apa-apa peruntukan dalam dokumen ini, obligasi Bank Islam untuk mengeluarkan Kemudahan adalah terhad kepada dan tidak melebihi jumlah agregat Hasil. Sebarang wang yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada mana-mana pihak yang melebihi Hasil hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Pelanggan. |
| 11 | PAYMENT BY THE CUSTOMER | 11 | PEMBAYARAN OLEH PELANGGAN |
| 11.1 | On monthly basis, the Customer is to pay Bank Islam's Profit which is computed based on prevailing Bank Islam's Effective Rate. Upon maturity of the Facility, the Customer is to settle the outstanding Bank Islam's Sale Price. Ibra' (Rebate) if any shall be calculated based on Bank Negara Malaysia's Guidelines on Ibra'. | 11.1 | Secara bulanan, Pelanggan perlu membayar bahagian Keuntungan Bank Islam yang dikira berdasarkan Kadar Efektif Bank Islam semasa. Setelah tempoh matang Kemudahan ini, Pelanggan perlu menyelesaikan baki Harga Jualan Bank Islam yang belum diselesaikan. Ibra' (rebat) sekiranya ada akan dikira berdasarkan kepada Garis panduan Bank Negara Malaysia berkaitan Ibra'. |
| 11.2 | Where applicable, Bank Islam may vary the payment terms from time to time with notice. | 11.2 | Jika berkenaan, Bank Islam boleh mengubah terma pembayaran dari semasa ke semasa dengan notis. |
| 11.3 | Upon request of the Customer, Bank Islam may extend the duration for the payment of Bank Islam's Sale Price to a further term on such terms and conditions provided that Bank Islam's Sale Price remain unchanged. | 11.3 | Atas permintaan Pelanggan, Bank Islam boleh memanjangkan tempoh pembayaran Harga Jualan Bank Islam kepada tempoh yang lebih panjang dengan terma dan syarat yang diberikan asalkan Harga Jualan Bank Islam kekal tidak berubah. |
| 11.4 | All payments to be made shall be in Ringgit Malaysia and in immediately available funds. | 11.4 | Semua pembayaran yang perlu dibuat hendaklah dalam Ringgit Malaysia dan dalam dana yang tersedia . |
| 11.5 | Bank Islam may grant advances to the Customer to effect payments of all quit rent, assessments, Takaful contribution, fee, commission, legal costs (both party to party and solicitor and client costs), valuation fees and all other charges due and payable hereunder or under the Security Documents. Any advance made under this Clause shall be repaid within Fourteen (14) days of a notice given by Bank Islam. Notwithstanding the above, full payment must be made on receipt of a demand by Bank Islam. | 11.5 | Bank Islam boleh memberikan bayaran pendahuluan kepada Pelanggan untuk membuat pembayaran semua cukai tanah, penilaian, sumbangan Takaful, yuran, komisen, kos perundangan (kedua-dua pihak kepada pihak dan kos peguam dan klien), yuran penilaian dan semua caj lain yang terhutang dan perlu dibayar di sini atau di bawah Dokumen Sekuriti. Mana-mana bayaran pendahuluan yang dibuat di bawah Fasal ini hendaklah dibayar dalam Empat Belas (14) hari dari notis yang diberikan oleh Bank Islam. Walaupun demikian, pembayaran penuh harus dibuat pada penerimaan tuntutan oleh Bank Islam. |
| 11.6 | If any payment would otherwise be due on a day which is not a Business Day, it shall be due on the next succeeding Business Day. | 11.6 | Jika sebarang pembayaran sepatutnya jatuh pada hari yang bukan Hari Perniagaan, ia akan jatuh pada Hari Perniagaan berikutnya. |
| 11.7 | All payments to be made by the Customer to Bank Islam under the provisions of this T&C shall be made without any set off or counter claim and free and clear of and without deduction or withholding for or on account of any taxes, duties, levies, charges, imposts or any other deduction of whatsoever nature now or hereafter imposed by any competent governmental or other authority in Malaysia. If the Customer is compelled by law to deduct or withhold any such taxes, levies, imposts, duties, charges or fees, the Customer shall pay such additional amounts as may be necessary in order that the next amounts received by Bank Islam after such deductions or withholdings shall equal the amount it would have received had no such deductions or withholdings been required to be made. | 11.7 | Semua pembayaran yang perlu dibuat oleh Pelanggan kepada Bank Islam di bawah peruntukan T&C ini hendaklah dibuat tanpa sebarang tolak selesai atau tuntutan balas dan bebas dan jelas dari dan tanpa potongan atau penahanan untuk atau di atas sebarang cukai, duti, levi, caj, impos atau potongan lain dari apa pun sifatnya sekarang atau kemudian dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak lain yang kompeten di Malaysia. Jika Pelanggan terpaksa oleh undang-undang untuk mengurangkan atau menahan apa-apa cukai, levi, impos, caj, atau yuran tersebut, Pelanggan hendaklah membayar jumlah tambahan yang diperlukan agar jumlah berikutnya yang diterima oleh Bank Islam selepas potongan atau penahanan sedemikian adalah sama dengan jumlah yang akan diterima jika tiada potongan atau penahanan tersebut diperlukan. |
| 12 | TEMPORARY EXCESS | 12 | LEBIH SEMENTARA |
| 12.1 | Bank Islam may grant sums in excess of the limit of the Facility on terms as specified by Bank Islam under the Qard contract for settlement within 3 days. | 12.1 | Bank Islam boleh memberikan jumlah melebihi had Kemudahan mengikut terma yang ditetapkan oleh Bank Islam di bawah kontrak Qard untuk penyelesaian dalam masa 3 hari. |
| 12.2 | In the event that an excess is granted, the Customer shall pay a fee for administration of the excess in the sum of RM50-00 or any other amount as may be | 12.2 | Sekiranya lebih diberikan, Pelanggan hendaklah membayar yuran pentadbiran lebih sebanyak RM50-00 atau jumlah lain yang ditentukan oleh Bank Islam dan/atau BNM dari semasa |

| | | | |
|-------------|---|-------------|---|
| | determined by Bank Islam and/or BNM from time to time provided always that the fee is approved by Bank Islam's Shariah Supervisory Council and BNM. | | ke semasa dengan syarat yuran tersebut diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam dan BNM. |
| 12.3 | The Customers hereby agrees that Bank Islam shall have the right to charge Ta'widh (compensation) based on the Islamic Inter Bank Money Market rate ("IIMM") if the Customer fails to settle the outstanding excess amount within three (3) days of the excess granted to the Customer. | 12.3 | Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank Islam berhak untuk mengenakan Ta'widh (pampasan) berdasarkan Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ("IIMM") jika Pelanggan gagal menyelesaikan jumlah lebihan yang tertunggak dalam tempoh tiga (3) hari dari lebihan yang diberikan kepada Pelanggan. |
| 12.4 | In the event the amount outstanding on the Facility shall exceed the limit of the Facility as permitted from time to time by Bank Islam, without prejudice to the right and/or remedy of Bank Islam, the Customer shall also be liable for the whole excess utilisation and the Customer's liability in respect thereof shall remain until full settlement thereof. | 12.4 | Sekiranya jumlah yang tertunggak pada Kemudahan melebihi had Kemudahan yang dibenarkan dari semasa ke semasa oleh Bank Islam, tanpa menjejaskan hak dan/atau remedi Bank Islam, Pelanggan juga akan bertanggungjawab terhadap keseluruhan penggunaan lebihan tersebut dan liabiliti Pelanggan berkenaan akan berterusan sehingga penyelesaiannya sepenuhnya. |
| 13 | FULL PAYMENT | 13 | PEMBAYARAN PENUH |
| | Notwithstanding anything to the contrary contained herein, it is hereby agreed that on the satisfaction by payment or otherwise of the Indebtedness all the provisions herein contained shall cease to be of any effect but without prejudice to Bank Islam's rights and remedies against the Customer in respect of any antecedent claim or breach. | | Dengan tidak menyentuh apa-apa yang berlawanan yang terkandung dalam dokumen ini, dengan ini dipersetujui bahawa setelah Keterhutangan diselesaikan melalui pembayaran atau dengan cara lain, semua peruntukan yang terkandung dalam dokumen ini tidak lagi berkuat kuasa, tanpa menjejaskan hak dan remedi Bank Islam terhadap Pelanggan berkenaan dengan apa-apa tuntutan atau pelanggaran sebelum ini. |
| 14 | STANDARDISED BASE RATE (APPLICABLE FOR FLOATING RATE FACILITY ONLY) | 14 | KADAR ASAS STANDARD (TERPAKAI UNTUK KEMUDAHAN DENGAN KADAR TERAPUNG SAHAJA) |
| 14.1 | Bank Islam may vary the Effective Profit Rate and/or the Standardised Base Rate according to any applicable Bank Negara Malaysia Guidelines that is currently in force. In the event that the Effective Profit Rate varies as a result of any changes to the Standardised Base Rate, Bank Islam may give effect to the said changes by taking any of the following steps: | 14.1 | Bank Islam boleh mengubah Kadar Keuntungan Efektif dan/atau Kadar Asas Standard menurut mana-mana Garis Panduan Bank Negara Malaysia yang terpakai dan berkuat kuasa pada masa ini. Sekiranya Kadar Keuntungan Efektif tersebut berubah akibat apa-apa perubahan pada Kadar Asas Standard, Bank Islam berhak melaksanakan perubahan tersebut dengan mengambil mana-mana langkah yang berikut: |
| | i. Adjusting the amount of the Monthly Instalment payable by the Customer; or ii. Extending the tenure of the Facility. | | i. Menyelaraskan jumlah Ansuran Bulanan yang perlu dibayar oleh Pelanggan; atau ii. Melanjutkan tempoh Kemudahan ini. |
| 14.2 | Provided that any of the steps taken above will not change/ alter Bank Islam's Sale Price for the entire duration of the Facility or any extension thereof. | 14.2 | Dengan syarat bahawa mana-mana langkah yang diambil di atas tidak akan menukar/ mengubah Harga Jualan Bank Islam bagi keseluruhan tempoh Kemudahan atau apa-apa tempoh lanjutan. |
| 14.3 | In the event if there are any changes to the Standardised Base Rate, Bank Islam shall notify the Customer accordingly by any or all of the following means: i. Public Notice via the mainstream local newspapers; or ii. Notices at Bank Islam's branches nationwide; or iii. Notices at Bank Islam's official website. | 14.3 | Jika terdapat sebarang perubahan pada Kadar Asas Standard, Bank Islam akan memberitahu Pelanggan dengan sewajarnya melalui mana-mana atau semua cara yang berikut: i. Notis Awam melalui akhbar tempatan utama; atau ii. Notis di cawangan Bank Islam seluruh negara; atau iii. Notis pada laman web rasmi Bank Islam. |
| 14.4 | The tenure of the financing will be determined based on the applicable Effective Profit Rate from time to time. | 14.4 | Tempoh pembiayaan akan ditentukan berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif yang terpakai dari semasa ke semasa. |
| 15 | TA'WIDH (COMPENSATION) | 15 | TA'WIDH (PAMPASAN) |
| 15.1 | It is hereby agreed that the Customer shall pay Bank Islam late payment charges by way of Ta'widh as follows: | 15.1 | Dengan ini dipersetujui bahawa Pelanggan akan membayar caj bayaran lewat kepada Bank Islam melalui Ta'widh seperti yang berikut: |

| | | | |
|------|--|------|--|
| | i. Before maturity of the Facility | | i. Sebelum Tempoh Matang Kemudahan |
| | A sum equivalent to one per centum (1%) per annum on overdue instalment(s) until date of full payment; | | Jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun ke atas ansuran tertunggak sehingga tarikh pembayaran penuh; |
| | ii. After Maturity of the Facility | | ii. Selepas Tempoh Matang Kemudahan |
| | A sum equivalent to the prevailing daily overnight Islamic Interbank Money Market Rate on outstanding balance i.e. outstanding Bank Islam's Sale Price less rebate (Ibra') (if any). | | Jumlah yang bersamaan dengan Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam semalaman harian ke atas baki yang belum dijelaskan, iaitu Harga Jualan Bank Islam yang belum dijelaskan tolak Ibra' (jika ada); |
| | iii. Post Judgment Debt | | iii. Hutang Selepas Penghakiman |
| | A sum equivalent to the prevailing daily overnight Islamic Interbank Money Market Rate on basic judgment sum calculated from judgment date until date of full payment. | | Jumlah yang bersamaan dengan Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam semalaman harian ke atas jumlah penghakiman asas yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga tarikh pembayaran penuh. |
| 15.2 | PROVIDED ALWAYS that the above said Ta`widh rates may be varied by Bank Negara Malaysia ("BNM") from time to time and shall be applied in such manner as approved by BNM. | 15.2 | DENGAN SYARAT bahawa kadar Ta`widh di atas boleh diubah oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") dari semasa ke semasa dan hendaklah digunakan mengikut cara yang diluluskan oleh BNM. |
| 15.3 | For the purpose of Clause 14.1, a computer-generated notice will be issued by Bank Islam which do not require signatures as to the amount of such late payment charges due to Bank Islam. The said notice shall be binding and conclusive evidence against the Customer for whatever purpose including as being conclusive evidence of any secured amount in a court of law. | 15.3 | Bagi tujuan Fasal 10.1, notis bercetak yang dikeluarkan oleh Bank Islam tidak memerlukan tandatangan bagi menyatakan jumlah caj bayaran lewat yang perlu dibayar kepada Bank Islam. Notis tersebut akan menjadi bukti nyata dan mengikat terhadap Pelanggan untuk apa-apa tujuan termasuk sebagai bukti nyata mengenai jumlah yang dijamin di mahkamah pengadilan. |
| 15.4 | The payment of Ta`widh by the Customer under this T&C shall be in addition and without prejudice to powers, rights and remedies of Bank Islam under this T&C upon Event of Default. | 15.4 | Pembayaran Ta`widh oleh Pelanggan di bawah T&C ini adalah fasal tambahan dan tanpa menjejaskan kuasa, hak dan pemulihan Bank Islam di bawah T&C ini ketika Kejadian Mungkir. |
| 16 | SMS REMINDER | 16 | PERINGATAN SMS |
| 16.1 | Bank Islam shall be entitled at any time to send to the Customer reminders in respect of any instalment due ("Reminder"), whether or not the Customer has requested for the same and the Customer may be notified of each Reminder via mobile phone (if supported by the Customer phone operator) subject to the relevant terms and charges of the phone operator. | 16.1 | Bank Islam berhak menghantar peringatan kepada Pelanggan berhubung dengan mana-mana ansuran yang terhutang ("Peringatan"), sama ada Pelanggan memohon Peringatan tersebut atau tidak dan Pelanggan boleh diberitahu tentang setiap Peringatan melalui telefon bimbit (jika disokong oleh pengendali telefon Pelanggan) tertakluk kepada syarat dan caj berkaitan daripada pengendali telefon tersebut. |
| 16.2 | The Customer is fully aware that the Customer's receipt of each Reminder may be delayed or prevented by factor(s) affecting the relevant service provider(s), phone operator(s) and any other relevant entities. The Customer accepts that Bank Islam neither guarantees the delivery nor accuracy of the contents of each Reminder and shall not be liable to the Customer or anyone else for losses or damages arising from: | 16.2 | Pelanggan menyedari bahawa setiap Peringatan yang diterimanya mungkin terlewat atau terhalang oleh faktor yang melibatkan penyedia perkhidmatan berkaitan, pengendali telefon dan mana-mana entiti lain yang berkaitan. Pelanggan bersetuju bahawa Bank Islam tidak menjamin penghantaran atau ketepatan kandungan setiap Peringatan dan tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan atau orang lain bagi kerugian atau ganti rugi yang berpunca daripada: |
| | i. a non-delivery, delayed delivery or wrongful delivery of each Reminder; or | | i. setiap Peringatan yang tidak dihantar, terlewat atau tersalah hantar; atau |
| | ii. inaccurate content of each Reminder; or | | ii. kandungan setiap Peringatan yang tidak tepat; atau |
| | iii. the Customer's use or reliance on the contents of any Reminder for any purposes. | | iii. penggunaan atau kebergantungan Pelanggan terhadap kandungan mana-mana Peringatan untuk apa-apa tujuan. |
| 16.3 | The information in respect of any Reminder may be subject to certain time lags and/or delays. The features of any Reminder may at any time be varied or discontinued by Bank Islam, with notice. | 16.3 | Maklumat berhubung dengan apa-apa Peringatan mungkin tertakluk kepada selang masa dan/atau kelewatan tertentu. Bentuk apa-apa Peringatan boleh, pada bila-bila masa, diubah atau dihentikan oleh Bank Islam, dengan notis. |

| | | | |
|-------------|---|-------------|--|
| 17 | TELEPHONE MONITORING AND RECORDING | 17 | PEMANTAUAN DAN RAKAMAN TELEFON |
| | The Customer authorizes Bank Islam to contact the Customers by telephone about the Facility. The Customer agrees that Bank Islam may place such telephone calls using an automatic dialling and that such calls will not be unsolicited calls. From time to time Bank Islam may monitor and/or record the telephone calls between the Customer and Bank Islam. The Customer further authorizes Bank Islam to monitor and/or record the telephone conversation at any time and that no additional notice to the Customer or additional approval from the Customer is needed. | | Pelanggan membenarkan Bank Islam menghubungi Pelanggan melalui telefon berhubung dengan Kemudahan ini. Pelanggan bersetuju bahawa Bank Islam boleh membuat panggilan telefon tersebut menggunakan pendailan automatik dan panggilan tersebut bukanlah panggilan yang tidak diminta. Bank Islam boleh, dari semasa ke semasa, memantau dan/atau merakam panggilan telefon antara Pelanggan dengan Bank Islam. Pelanggan selanjutnya membenarkan Bank Islam memantau dan/atau merakam perbualan telefon pada bila-bila masa dan tiada notis tambahan kepada Pelanggan atau kelulusan tambahan daripada Pelanggan diperlukan. |
| 18 | REPRESENTATIONS AND WARRANTIES BY CUSTOMER | 18 | PERNYATAAN DAN WARANTI OLEH PELANGGAN |
| 18.1 | The Customer represents and warrants to Bank Islam as follows: | 18.1 | Pelanggan menyatakan dan memberikan waranti kepada Bank Islam seperti yang berikut: |
| | i. that this T&C constitute the legal valid and binding obligations of the Customer enforceable in accordance with its own terms and the obligations of the Customer thereunder do not contravene any legislation or regulation binding on the Customer; | | i. bahawa T&C ini membentuk obligasi yang mematuhi undang-undang, sah dan mengikat Pelanggan yang boleh dikuatkuasakan menurut syaratnya sendiri dan obligasi Pelanggan di bawah peruntukan ini tidak akan melanggar apa-apa perundangan atau peraturan yang mengikat Pelanggan; |
| | ii. that the Customer is not now or in utilising the Facility as the case may be, in default under any existing mortgage indenture or contract binding on the Customer or to which Customer is subject; | | ii. bahawa Pelanggan, pada masa ini atau semasa menggunakan Kemudahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak memungkir apa-apa gadai janji, indentur atau kontrak sedia ada yang mengikat Pelanggan atau yang Pelanggan tertakluk kepadanya; |
| | iii. that there is no order of any court or any governmental agency or any provision of any existing agreement binding on the Customer or to which Customer is subject which would be contravened or breached by the execution delivery and performance of this T&C; | | iii. bahawa tiada perintah dari mana-mana mahkamah atau mana-mana agensi kerajaan atau apa-apa peruntukan dalam mana-mana perjanjian sedia ada yang mengikat Pelanggan atau yang Pelanggan tertakluk kepadanya yang akan dilanggar atau dimungkir melalui penguatkuasaan, penyempurnaan dan T&C ini; |
| | iv. that no lawsuits or investigations by any governmental agency body or other regulatory authority or any other party are pending or are to be instituted against the Customer; | | iv. bahawa tiada tuntutan mahkamah atau siasatan oleh mana-mana agensi, badan kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia lain atau mana-mana pihak lain yang belum selesai atau akan dimulakan terhadap Pelanggan; |
| | v. that no violation of any provisions of legislation court orders judgment and others has been committed by the Customer; | | v. bahawa tiada pelanggaran apa-apa peruntukan perundangan, perintah mahkamah, penghakiman dan peruntukan lain yang dilakukan oleh Pelanggan; |
| | vi. that there are no bankruptcy proceedings pending against the Customer; | | vi. bahawa tiada prosiding kebangkrapan yang belum selesai terhadap Pelanggan; |
| | vii. that every license approval or authorization of any governmental authority in Malaysia which is required in connection with the execution performance validity or enforceability of this T&C have been obtained and is in full force and effect; and | | vii. bahawa setiap lesen, kelulusan, atau kebenaran mana-mana pihak berkuasa kerajaan di Malaysia yang diperlukan berhubung dengan penguatkuasaan, pelaksanaan, kesahan atau kebolehuatkuasaan T&C ini telah diperoleh dan berkuat kuasa dan dilaksanakan sepenuhnya; dan |
| | viii. that the rights and obligations of the parties under this T&C are governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia. | | viii. bahawa hak dan obligasi kesemua pihak di bawah T&C ini dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia. |
| 18.2 | The accuracy and correctness of all matters stated in the representations and warranties in the foregoing paragraphs of this section hereof form the basis of Bank Islam's commitment to make available the Facility to the Customer. If any such representation and/or warranty made at any time hereafter is found to have been incorrect in any material respect then and | 18.2 | Kebenaran dan ketepatan semua perkara yang dinyatakan dalam representasi dan jaminan pada perenggan di atas bagi bahagian ini merupakan asas kepada komitmen Bank Islam untuk menyediakan Kemudahan kepada Pelanggan. Jika mana-mana representasi dan/atau jaminan sedemikian yang dibuat pada bila-bila masa selepas ini, didapati tidak benar dalam apa-apa hal yang material dan jika berlaku keadaan |

| | | | |
|-------------|---|-------------|---|
| | in such event and notwithstanding anything to the contrary in this T&C, Bank Islam shall have the right to terminate the Facility or part or parts thereof. | | tersebut dan dengan tidak menyentuh apa-apa yang berlawanan dalam T&C ini, Bank Islam berhak menamatkan Kemudahan ini atau mana-mana bahagiannya. |
| 19 | CONDITIONS PRECEDENT | 19 | PRASYARAT |
| 19.1 | The obligation of Bank Islam hereunder to allow the Customer to utilize the Facility is subject to the fulfilment in a manner satisfactory to Bank Islam of the following conditions: | 19.1 | Kewajipan Bank Islam di sini untuk membenarkan Pelanggan menggunakan Kemudahan tertakluk kepada penyempurnaan dengan cara yang memuaskan kepada Bank Islam terhadap syarat-syarat berikut: |
| | i. all conditions stated in the Letter of Offer of the Facility, this T&C and such other terms and conditions as determined by Bank Islam are fulfilled; | | i. semua syarat yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Kemudahan, T&C ini dan syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Bank Islam dipenuhi; |
| | ii. Certified true copy by the Security Party's authorized signatories, board resolution, approvals, authorization according to each Security Party's constitution and/or requirement (whichever is applicable) confirming the followings: a. authorizing the provision of security for the Facility; b. authorizing a list of persons to execute the documents relating to the security together with their specimen signatures; and c. the common seal of the Security Party be and is authorized to be affixed on all documents relating to and/or arising out of the security (if applicable); and | | ii. Salinan asal yang disahkan oleh penandatanganan sah Pemberi Sekuriti, resolusi lembaga pengarah, kelulusan, kebenaran mengikut perlembagaan dan/atau keperluan setiap Pemberi Sekuriti (jika berkenaan) yang mengesahkan perkara berikut: a. memberi kuasa untuk menyediakan jaminan bagi Kemudahan; b. memberi kuasa kepada senarai orang untuk melaksanakan dokumen berkaitan dengan sekuriti bersama dengan tandatangan contoh mereka; dan c. memberi kuasa untuk meterai syarikat Pemberi Sekuriti diletakkan pada semua dokumen berkaitan dengan dan/atau yang berbangkit daripada Sekuriti (jika berkenaan); dan |
| | iii. an undertaking to open a Designated Account with Bank Islam to operate and centralize its main accounts; | | iii. Aku janji untuk membuka Akaun Yang Ditentukan dengan Bank Islam untuk beroperasi dan mengumpulkan akaun utamanya; |
| 19.2 | Bank Islam shall have received/ satisfied on the following: | 19.2 | Bank Islam perlu menerima/ dan berpuas hati terhadap perkara berikut: |
| | i. Security Document has been duly executed, stamped and where applicable, presented for registration at the relevant registry; | | i. Dokumen Sekuriti telah dilaksanakan dengan betul, disetamkan dan di mana berkenaan, diserahkan untuk pendaftaran di pendaftar yang berkenaan; |
| | ii. official bankruptcy/ winding up search result against the Security Party from the office of Director General of Insolvency, Malaysia (Jabatan Insolvensi Malaysia), pending thereof, the statutory declaration in the form and substance satisfactory to Bank Islam confirming that the Security Party is not bankrupt/ wound up nor there is bankruptcy/ winding up action or proceedings being taken or pending against the Security Party; | | ii. Keputusan carian rasmi kebangkrapan/pembubaran terhadap Pemberi Sekuriti dari pejabat Ketua Pengarah Insolvensi, Malaysia (Jabatan Insolvensi Malaysia), dan ketika ketiadaannya, pernyataan sumpah dalam bentuk dan kandungan yang memuaskan kepada Bank Islam yang mengesahkan bahawa Pemberi Sekuriti tidak mufliis/terbubar ataupun tiada tindakan mufliis/pembubaran sedang diambil atau sedang berlangsung terhadap Pemberi Sekuriti; |
| | iii. Security Party's (if applicable) certified true copy Memorandum and Articles of Association, By-laws, Form 24, 44 and 49 of Companies Act 1965 or Form under Section 78, 46 and 58 of Companies Act 2016 and any other relevant documents evidencing incorporation and/or registration of the Security Party with the relevant authority and includes any other relevant documents in the form and substance acceptable to Bank Islam; | | iii. Salinan asal Memorandum dan Artikel Persatuan Pemberi Sekuriti yang disahkan (jika berkenaan), Peraturan-peraturan, Borang 24, 44 dan 49 Akta Syarikat 1965 atau Borang di bawah Seksyen 78, 46 dan 58 Akta Syarikat 2016 dan dokumen-dokumen lain yang relevan yang membuktikan pendaftaran dan/atau pendaftaran semula Pemberi Sekuriti dengan pihak berkuasa yang relevan dan merangkumi mana-mana dokumen lain yang relevan dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh Bank Islam; |
| | iv. a Standing Instruction Form to authorize deduction of any payment due and/or payable under this Facility (if applicable); | | iv. Borang Arahan Tetap untuk memberikan kuasa pemotongan bagi sebarang pembayaran yang tertunggak dan/atau terhutang di bawah Kemudahan ini (jika berkenaan); |

| | | | |
|------|---|------|---|
| | v. an Irrevocable Letter of Indemnity by the Customer, authorising Bank Islam to debit an amount equivalent to any payment due and/or payable under the Facility from the Designated Account as may be specified by Bank Islam (if applicable); | | v. Surat Ganti Rugi tidak Boleh Ditarik Balik oleh Pelanggan, memberi kuasa kepada Bank Islam untuk mendebit jumlah yang sama dengan sebarang pembayaran yang tertunggak dan/atau terhutang di bawah Kemudahan dari Akaun Yang Ditentukan seperti yang ditentukan oleh Bank Islam (jika berkenaan); |
| | vi. submission of Takaful/ Insurance cover note or policy on the property charged to Bank Islam from Syarikat Takaful Malaysia Berhad or from any reputable takaful/ insurance company acceptable to Bank Islam where Bank Islam is to be named as the beneficiary under the cover note or policy (if applicable); | | vi. penyerahan nota perlindungan Takaful/Insurans atau polisi pada hartanah yang dicagarkan kepada Bank Islam dari Syarikat Takaful Malaysia Berhad atau dari mana-mana syarikat takaful/insurans yang terkenal yang boleh diterima oleh Bank Islam di mana Bank Islam akan dinamakan sebagai penerima di bawah nota perlindungan atau polisi (jika berkenaan); |
| | vii. No event has occurred which in the opinion of Bank Islam (which opinion shall be final and binding upon the Security Party amounts to a material adverse change in any circumstances including any material adverse change in the financial position, operations or prospects or other affairs of the Customer or of the security provider or which would render insufficient or inadequate the securities provided by or under the security documents; | | vii. Tiada peristiwa yang berlaku yang menurut pendapat Bank Islam (pendapat tersebut adalah muktamad dan mengikat bagi Pemberi Sekuriti) merupakan perubahan besar mendadak dalam apa jua keadaan termasuk perubahan besar mendadak dalam kedudukan kewangan, operasi atau prospek atau urusan lain Pelanggan atau penyedia sekuriti atau yang akan menyebabkan sekuriti yang disediakan oleh atau di bawah dokumen sekuriti tidak mencukupi atau tidak memadai; |
| | viii. No other event or series of events whether related or not has or have occurred which could or might adversely affect the decision of Bank Islam to proceed with the Facility; and | | viii. Tiada peristiwa lain atau siri peristiwa sama ada berkait atau tidak berkait telah berlaku yang boleh atau mungkin memudaratkan keputusan Bank Islam untuk meneruskan Kemudahan; dan |
| | ix. Any other conditions as required by Bank Islam. | | ix. Syarat-syarat lain yang diperlukan oleh Bank Islam. |
| 19.3 | The solicitor shall have confirmed to Bank Islam that all security documents are valid, legally binding and enforceable against the parties that have executed them and that Bank Islam's interest is protected and the solicitor has further confirmed or in the event where the documents are prepared internally, Bank Islam has satisfied the followings: | 19.3 | Peguam telah mengesahkan kepada Bank Islam bahawa semua dokumen sekuriti adalah sah, mengikat secara undang-undang dan boleh dikuatkuasakan terhadap pihak-pihak yang telah melaksanakannya dan bahawa kepentingan Bank Islam dilindungi dan peguam telah mengesahkan atau dalam keadaan di mana dokumen-dokumen tersebut disediakan secara dalaman, Bank Islam telah berpuas hati akan yang berikut: |
| | i. the Facility when utilized will not constitute a breach by the Customer; | | i. Kemudahan apabila digunakan tidak akan merangkumi suatu pelanggaran oleh Pelanggan; |
| | ii. no winding-up and/or bankruptcy proceedings have been commenced against the Security Party and all relevant searches with the relevant authorities have been made and the result of that particular searches would not jeopardize the security arrangement under the Facility; | | ii. tiada prosiding pembubaran dan/atau kebangkrapan telah dimulakan terhadap Pemberi Sekuriti dan semua carian yang berkaitan dengan pihak berkuasa yang berkaitan telah dibuat dan hasil carian khusus itu tidak akan menjejaskan pengaturan sekuriti di bawah Kemudahan; |
| | iii. the Security Document has been duly executed by the parties thereto and stamped and where applicable presented for registration or registered with the relevant authorities and that they are valid, legally binding and enforceable against the parties that have executed them and that Bank Islam's interest is protected; | | iii. Dokumen Sekuriti telah dilaksanakan dengan betul oleh pihak-pihak yang terlibat dan telah disetem serta jika berkaitan, diserahkan untuk pendaftaran atau didaftarkan dengan pihak berkuasa yang berkaitan dan bahawa mereka adalah sah, mengikat secara undang-undang dan boleh dikuatkuasakan terhadap pihak-pihak yang telah melaksanakannya dan bahawa kepentingan Bank Islam dilindungi; |
| | iv. that a search on the property to be charged under the Security clause above has been made at the relevant registries or offices and that the property is free from any encumbrances whatsoever; If encumbered, except where the chargee is Bank Islam and the Customer does not wish to take delivery of the commodity, a relevant letter of undertaking and/or letter of disclaimer from the existing encumbrancer for the discharge of the encumbrances shall have been obtained and forwarded to Bank Islam (if applicable); | | iv. bahawa suatu carian terhadap hartanah yang akan dicagarkan di bawah fasal Sekuriti di atas telah dibuat di pejabat pendaftar atau pejabat berkaitan dan bahawa hartanah itu bebas dari sebarang bebanan apa pun; Jika dikenakan bebanan, kecuali di mana penerima gadaai adalah Bank Islam dan Pelanggan tidak ingin mengambil penyerahan komoditi tersebut, surat aku janji yang berkaitan dan/atau surat penafian daripada pemiutang yang sedia ada bagi pelepasan bebanan hendaklah diperolehi dan dihantar kepada Bank Islam (jika berkenaan) |
| | v. Customer has paid all incidental cost, expenses, legal fees and disbursement in connection with the Facility; | | v. Pelanggan telah membayar semua kos berkaitan, perbelanjaan, yuran guaman, dan perbelanjaan yang berkaitan dengan Kemudahan; |

| | | | |
|------|--|------|---|
| | vi. in the event the Customer wishes to take delivery of the commodity, the property to be charged under the Security clause above shall have been perfected and/or registered with the relevant registries and authorities and/or, where applicable, any account or financing account which the Customer maintains with any third party that Bank Islam requires to be settled, shall have been first settled and all costs incurred are to be borne by the Customer (if applicable); | | vi. Sekiranya Pelanggan ingin mendapatkan Komoditi, hartanah yang akan dicagarkan di bawah Fasal Sekuriti di atas hendaklah disempurnakan dan / atau didaftarkan dengan pejabat pendaftar dan pihak berkuasa berkaitan dan / atau, jika berkenaan, apa-apa akaun atau akaun pembiayaan Pelanggan dengan mana-mana pihak ketiga yang dikehendaki oleh pihak Bank Islam untuk diselesaikan, hendaklah diselesaikan terlebih dahulu dan semua kos yang terlibat perlu ditanggung oleh Pelanggan (jika berkenaan); |
| | vii. the cash deposit to be charged under the Security clause above is not subjected to any lien; | | vii. deposit tunai yang akan dicagarkan di bawah fasal Sekuriti di atas tidak tertakluk kepada sebarang lien; |
| | viii. the approvals from relevant authorities have been obtained and are still valid; and | | viii. kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan telah diperolehi dan masih sah; dan |
| | ix. any property to be charged is free from any encumbrances. If encumbered, except where the chargee is Bank Islam, relevant letter of undertaking/ consent from the existing encumbrancer have been obtained for the discharge and/or their disclaimer interest in the subject property (if applicable). | | ix. mana-mana hartanah yang akan dicagarkan adalah bebas daripada sebarang bebanan. Jika dikenakan bebanan, kecuali di mana penerima cagaran adalah Bank Islam, surat aku janji yang berkaitan / persetujuan daripada pemberi bebanan sedia ada telah diperolehi untuk pembebasan dan / atau penafian kepentingan mereka dalam harta tersebut (jika berkenaan). |
| 19.4 | The other conditions precedents (if any) have been fulfilled. Pending the fulfilment of the conditions precedent, Bank Islam may withhold the payment of Bank Islam's Purchase Price or any part or parts thereof. | 19.4 | Prasyarat-prasyarat yang lain (jika ada) telah dipenuhi. Semasa menunggu penyempurnaan prasyarat-prasyarat tersebut, Bank Islam boleh menahan pembayaran Harga Belian Bank Islam atau sebahagian atau keseluruhannya. |
| 19.5 | Variation of Conditions Precedent PROVIDED ALWAYS that the conditions precedent are for the sole benefit of Bank Islam and Bank Islam may without prejudice to all its powers privileges or remedies contained herein and upon such terms and subject to such conditions as Bank Islam may consider fit to impose, suspend or cancel all or any part of the conditions precedent and such act of Bank Islam shall not impair the rights of Bank Islam to insist on the compliance of the conditions precedent at any later date. | 19.5 | Perubahan Prasyarat-prasyarat Dengan syarat bahawa prasyarat-prasyarat adalah untuk manfaat tunggal Bank Islam dan Bank Islam boleh tanpa menjejaskan semua kuasa, hak istimewa, atau remedi yang termaktub di sini dan atas terma dan syarat yang Bank Islam mungkin pertimbangkan sesuai untuk mengenakan, menagguhkan, atau membatalkan semua atau sebahagian daripada prasyarat-prasyarat sebelumnya dan tindakan Bank Islam tersebut tidak akan merosakkan hak-hak Bank Islam untuk menegakkan pematuhan prasyarat-prasyarat pada bila-bila masa akan datang. |
| 19.6 | Waiver of Conditions Precedent Bank Islam may waive compliance with any of the conditions precedent as detailed in the Letter of Offer without affecting its rights under this T&C. Such waiver does not prevent Bank Islam from later demanding the Customer to comply with any or all of the waived conditions within any period notified by Bank Islam to the Customer. No waiver of any conditions precedent constitutes a waiver of any other conditions precedent except to the extent expressly provided in such waiver. | 19.6 | Pembatalan Syarat-syarat Sebelumnya Bank Islam boleh mengecualikan pematuhan dengan mana-mana prasyarat-prasyarat seperti yang diterangkan dalam Surat Tawaran tanpa menjejaskan haknya di bawah ini. Pengecualian sedemikian tidak menghalang Bank Islam daripada kemudian menuntut Pelanggan untuk mematuhi mana-mana atau semua syarat yang dikecualikan itu dalam apa-apa tempoh yang diberitahu oleh Bank Islam kepada Pelanggan. Tiada pengecualian kepada mana-mana prasyarat-prasyarat merupakan pengecualian kepada mana-mana prasyarat-prasyarat lain melainkan yang dinyatakan secara terperinci dalam pengecualian sedemikian. |
| 20 | TAKAFUL (IF APPLICABLE) | 20 | TAKAFUL (JIKA BERKENAAN) |
| | The Customer shall subscribe to the Takaful Plan from Syarikat Takaful Malaysia Berhad or any other Takaful operator which is duly approved by Bank Islam. All costs related to the Takaful Plan shall be borne by the Customer whereby the costs incurred can be paid by the Customer or be deducted directly from the disbursement amount of the Facility. In the event of any shortfall in the payment of the said costs prior to | | Pelanggan hendaklah melanggan Pelan Takaful daripada Syarikat Takaful Malaysia Berhad atau mana-mana pengendali Takaful lain yang diluluskan oleh Bank Islam. Semua kos yang berkaitan dengan Pelan Takaful hendaklah ditanggung oleh Pelanggan melalui bayaran yang dibuat sendiri oleh Pelanggan atau ditolak terus daripada jumlah pengeluaran Kemudahan. Jika terdapat apa-apa kekurangan pada bayaran kos tersebut sebelum pengeluaran Kemudahan, |

| | | | |
|-------------|--|-------------|--|
| | the disbursement of the Facility, Bank Islam has the right to claim on the shortfall in the said costs by way of a notice of claim to the Customer and the Customer hereby agrees and allows Bank Islam to debit the relevant amount from the Customer's savings or current or investment or financing account in order to settle the shortfall. | | Bank Islam berhak menuntut kekurangan kos tersebut melalui notis tuntutan kepada Pelanggan dan Pelanggan dengan ini bersetuju dan membenarkan Bank Islam untuk mendebitkan amaun berkenaan daripada akaun simpanan atau semasa atau pelaburan atau pembiayaan Pelanggan untuk menyelesaikan kekurangan tersebut. |
| 21 | SECURITY (IF APPLICABLE) | 21 | SEKURITI (JIKA BERKENAAN) |
| 21.1 | The Security | 21.1 | Sekuriti |
| | For better securing the payment of the Indebtedness or any part thereof as shall be outstanding and all other moneys whatsoever now or hereafter owing to Bank Islam by the Customer, the Customer and/or the Security Party shall provide the Security and execute or procure the execution of the Security Documents by the Security Party. The security will be returned to the customer upon full settlement of the facility upon non-occurrence of Event of Default. | | Bagi menjamin pembayaran yang lebih baik untuk Keterhutangan atau mana-mana bahagian yang belum dijelaskan dan semua wang lain yang kini atau kemudiannya terhutang kepada Bank Islam oleh Pelanggan, Pelanggan dan/atau Pemberi Sekuriti hendaklah menyediakan Sekuriti dan menyempurnakan atau berusaha menyempurnakan Dokumen Sekuriti oleh Pemberi Sekuriti. Sekuriti tersebut akan dipulangkan kepada Pelanggan setelah pembayaran penuh kemudahan dibuat tanpa berlaku sebarang Kejadian Mungkir. |
| 21.2 | Covenant to Provide Further Security | 21.2 | Janji untuk Menyediakan Sekuriti Tambahan |
| | The Security created under the Facility and/or the Security Documents shall be a continuing security for the payment of the Indebtedness. If required by Bank Islam, the Customer shall provide further Security or assignment or deposit the documents of title of the Customer's property and/or third party's estates rights titles and interests in any property or assets or business (including any vendor's lien) and the benefit of all licences held in connection to secure all Indebtedness agreed to be paid or intended to be secured such mortgages, charges, assignments, transfer or agreement with Bank Islam to secure the Indebtedness. | | Sekuriti yang disediakan di bawah Kemudahan ini dan/atau Dokumen Sekuriti hendaklah menjadi sekuriti yang berterusan bagi pembayaran Keterhutangan. Jika dikehendaki oleh Bank Islam, Pelanggan hendaklah menyediakan Sekuriti tambahan atau menyerahkan hak atau menandatangani dokumen hakmilik hartanah Pelanggan dan/atau hak hartanah pihak ketiga, pemilikan dan kepentingan dalam mana-mana hartanah atau aset atau perniagaan (termasuk mana-mana lien vendor) dan manfaat atas semua lesen yang dipegang bagi menjamin semua Keterhutangan yang dipersetujui untuk dibayar atau bertujuan untuk menjamin gadai janji tersebut, cagaran, serah hak, pindahan atau perjanjian dengan Bank Islam untuk menjamin Keterhutangan. |
| 22 | EVENTS OF DEFAULT | 22 | KEJADIAN MUNGKIR |
| | The followings shall constitute event(s) of default: | | Perkara-perkara berikut merupakan kejadian mungkir: |
| | i. Non-payment | | i. Tiada Pembayaran |
| | The Customer fails or defaults in the payment of any sum of money: a. on its due date, whether formally demanded or not; or b. (if due on demand) when demanded by virtue of the provisions of the Security Documents; or | | Pelanggan gagal atau ingkar dalam membuat pembayaran sejumlah wang: a. pada tarikh bayaran, sama ada dituntut secara rasmi atau tidak; atau b. (jika atas permintaan) ketika diminta berdasarkan peruntukan Dokumen Transaksi; atau |
| | ii. Breach of Other Terms and Conditions | | ii. Pelanggaran Terma dan Syarat Lain |
| | The Customer: a. breaches any term in the Security Documents or in any document delivered under this Facility or the Security Documents; or b. fails to comply with any notice given under any of the Security Documents that requires remedy; or c. provides false financial statements and/or other data required by the Bank. | | Pelanggan: a. melanggar mana-mana terma Dokumen Sekuriti atau apa-apa dokumen dokumen yang dihantar di bawah Kemudahan ini atau Dokumen Sekuriti; atau b. tidak mematuhi apa-apa notis yang diberikan di bawah mana-mana Dokumen Sekuriti yang perlu diperbaiki; atau c. Memberikan kenyataan kewangan dan/atau apa-apa maklumat yang palsu kepada pihak Bank. |

| | | | |
|--|---|--|---|
| | <p>iii. Breach of Representation and Warranties</p> | | <p>iii. Pelanggaran Perwakilan dan Jaminan</p> |
| | <p>Any representation or warranty made or implied under: a. Letter of Offer or Offer or any other provision of Security Documents, as the case may be; or b. any notice, certificate, letter or other documents delivered under the Security Documents; or c. is incorrect or misleading in a material detail as of the date on which it was made or to have been made; or</p> | | <p>Sebarang perwakilan atau jaminan yang dibuat secara nyata atau tersirat di bawah: a. Surat Tawaran atau Tawaran atau peruntukan lain dalam Dokumen Sekuriti, mengikut mana yang berkenaan, atau b. apa-apa notis, sijil, surat atau dokumen lain yang dihantar di bawah Dokumen Sekuriti; atau c. tidak benar atau mengelirukan pada perinciannya pada tarikh ianya telah dibuat atau akan dibuat; atau</p> |
| | <p>iv. Ability of the Customer/ Security Party to Perform Terms in Security Documents</p> <p>Any event(s) occurred, or a situation exists (including changes in the financial condition of the Customer/ Security Party), which might, in the opinion of Bank Islam affect the ability of the Customer/ Security Party to perform his obligations under the Security Documents; or</p> | | <p>iv. Keupayaan Pelanggan/ Pemberi Sekuriti untuk Memenuhi Syarat dalam Dokumen Sekuriti</p> <p>Setiap kejadian yang telah berlaku, atau wujud situasi (termasuk perubahan dalam keadaan kewangan Pelanggan/ Pemberi Sekuriti), yang mungkin, menurut pendapat Bank Islam, mempengaruhi kemampuan Pelanggan/ Pemberi Sekuriti untuk memenuhi tanggungjawab di bawah Dokumen Sekuriti; atau</p> |
| | <p>v. Validity of the Security Documents</p> <p>The validity of any of the Security Documents is challenged by the Customer and/or any of the security provider or any other person; or</p> | | <p>v. Kesahihan Dokumen Transaksi</p> <p>Kesahihan mana-mana Dokumen Sekuriti dipersoalkan oleh Pelanggan dan/atau mana-mana penyedia sekuriti atau orang lain; atau</p> |
| | <p>vi. Security in Jeopardy</p> <p>Any of the security created pursuant to the Security Documents is in jeopardy; or</p> | | <p>vi. Sekuriti dalam Risiko</p> <p>Mana-mana sekuriti yang diberikan ekoran Dokumen Sekuriti adalah berisiko; atau</p> |
| | <p>vii. Illegality</p> <p>It is or will become unlawful for the Customer to perform or comply with any one or more of the obligations of the Customer under the Security Documents; or</p> | | <p>vii. Ketidaksahan</p> <p>Samada telah atau akan menjadi tidak sah bagi Pelanggan untuk memenuhi atau mematuhi salah satu kewajipan Pelanggan atau lebih di bawah Dokumen Sekuriti; atau</p> |
| | <p>viii. Authorisation and Consent</p> <p>Any action, condition, consent or thing at any time required to be taken, fulfilled or done for any of the purposes stated in the Letter of Offer (relating to representations on authorisation and consent): a. is not taken, fulfilled or done; or b. ceases to be in full force and effect without modification; or</p> | | <p>viii. Kebenaran dan Persetujuan</p> <p>Apa-apa tindakan, syarat, persetujuan atau apa-apa yang perlu diambil pada bila-bila masa, dipenuhi atau dibuat untuk apa-apa tujuan yang dinyatakan dalam Surat Tawaran (berkaitan dengan pernyataan mengenai kebenaran dan persetujuan): a. tidak diambil, dipenuhi atau dibuat; atau b. tidak lagi berkuat kuasa dan berkuat kuasa tanpa pengubahsuaian; atau</p> |
| | <p>ix. Legal Proceedings</p> <p>Any legal proceeding, suit or action of any kind whatsoever (whether criminal or civil) is instituted against the Customer; or</p> | | <p>ix. Penyampaian Proses Undang-Undang</p> <p>Sebarang proses undang-undang, tuntutan atau tindakan dalam apa jua bentuk (sama ada jenayah atau sivil) dikenakan terhadap Pelanggan; atau</p> |
| | <p>x. Enforcement Proceedings</p> <p>A warrant of distress or other process of a court is levied upon or issued against all or any part of the property of the Customer and warrant of distress or other process is not discharged by the Customer within seven (7) days from the date of such levy or issue; or</p> | | <p>x. Prosiding Penguatkuasaan</p> <p>Waran pengusiran atau proses mahkamah lain dikenakan atau dikeluarkan terhadap semua atau mana-mana bahagian harta Pelanggan dan waran pengusiran atau proses lain tidak dilepaskan oleh Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengenaan atau pengeluaran tersebut; atau</p> |

| | |
|--|--|
| <p>x. Bankruptcy/ Winding up</p> <p>a. Any step or action is taken for the bankruptcy/ winding up of the Customer or any Security Party; or</p> <p>b. A petition for bankruptcy is presented against the Customer or any Security Party; or</p> <p>c. If such proceeding or action has been taken by or against the Customer or any Security Party, that step or petition is not discharged or stayed within twenty one (21) days from the date of the taking of the step or petition; or</p> | <p>x. Kebankrapan / Penggulangan</p> <p>a. Sebarang langkah atau tindakan yang diambil bagi isu kebangkrapan/penggulangan Pelanggan atau Pemberi Sekuriti; atau</p> <p>b. Petisyen kebangkrapan/penggulangan dikemukakan kepada Pelanggan atau Pemberi Sekuriti; atau</p> <p>c. Jika proses penyampaian atau tindakan telah diambil oleh atau terhadap Pelanggan atau Pemberi Sekuriti, langkah atau petisyen tersebut tidak dilepaskan atau bertahan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh langkah atau petisyen tersebut diambil; atau</p> |
| <p>xi. Compulsory Acquisition</p> <p>If any of the assets of the Customer shall become the subject matter of any seizure, forfeiture, confiscation or expropriation by any authority, Government or otherwise; or</p> | <p>xi. Pengambilalihan Berwajib</p> <p>Jika mana-mana aset kepunyaan Pelanggan menjadi subjek bagi sebarang bentuk penyitaan, rampasan, penguasaan atau pengambilalihan oleh mana-mana pihak berautoriti, Kerajaan atau selainnya; atau</p> |
| <p>xii. Death and Insanity</p> <p>The Customer or Security Party dies or becomes insane; or</p> | <p>xii. Kematian dan Kegilaan/ Ketidakwarasan</p> <p>Pelanggan atau Pemberi Sekuriti meninggal atau menjadi gila/ tidak waras; atau</p> |
| <p>xiii. Material Adverse Change</p> <p>a. Any material adverse change in Customer representation that give adverse impact to this T&C; or</p> <p>b. Any event or series of events (whether within or outside of Malaysia and whether of a national or international nature) including any act of violence, hostility, war, epidemic or other calamity occurs which in Bank Islam's opinion:</p> <ul style="list-style-type: none"> • could or might affect the Customer's ability or willingness to fully comply with all or any of his obligations under any of the Security Documents or make it improbable that the Customer or any Security Party would be able to do so; or • would render it inadvisable or impractical for Bank Islam to make or continue to make the Facility available or allow any use of the Facility; or • could or might jeopardize the Facility or any of its security or Bank Islam's security position; or | <p>xiii. Perubahan Besar Mendadak</p> <p>a. Apa-apa perubahan besar mendadak dalam perwakilan Pelanggan yang memberikan impak besar terhadap T&C ini; atau</p> <p>b. Apa-apa peristiwa atau peristiwa bersiri (sama ada dalam atau luar Malaysia dan sama ada bersifat tempatan atau antarabangsa) termasuk apa-apa keganasan, permusuhan, perang, wabak atau malapetaka lain yang berlaku yang pada pendapat Bank Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> • boleh atau mungkin mempengaruhi kemampuan atau kesediaan Pelanggan untuk mematuhi semua atau mana-mana kewajibannya dalam mana-mana Dokumen Sekuriti atau membuatnya mustahil bagi Pelanggan atau Pemberi Sekuriti untuk memenuhinya; atau • akan menjadikan tidak wajar atau tidak praktikal bagi Bank Islam untuk memberikan atau terus menyediakan Kemudahan atau membenarkan penggunaan Kemudahan ini; atau • boleh atau mungkin membawa risiko terhadap Kemudahan atau mana-mana sekuritinya atau kedudukan sekuriti Bank Islam; atau |
| <p>xiv. Customer's Account Re-designated or Closed</p> <p>If the Customer's account is re-designated or closed by Bank Islam as a result of:</p> <p>a. any guideline or directive; or</p> <p>b. the account having been conducted unsatisfactorily; or</p> <p>c. the account having been suspended due to a court order or at law; or</p> <p>d. an investigation by Bank Islam giving rise to negative findings including dishonesty, fraud or suspicious activities; or</p> | <p>xiv. Akaun Pelanggan Dibentuk Semula atau Ditutup</p> <p>Sekiranya akaun Pelanggan dibentuk semula atau ditutup oleh Bank Islam akibat:</p> <p>a. apa-apa garis panduan atau arahan; atau</p> <p>b. pengurusan akaun yang tidak memuaskan; atau</p> <p>c. akaun telah digantung disebabkan perintah mahkamah atau undang-undang; atau</p> <p>d. siasatan oleh Bank Islam mendapati penemuan negatif termasuk ketidakjujuran, penipuan atau aktiviti yang mencurigakan; atau</p> |
| <p>xv. Security Documents Not Perfected</p> <p>If any of the Security Documents cannot be perfected for any reason whatsoever or if any Security Documents which requires to be registered, cannot be registered or is invalid for any reason whatsoever.</p> | <p>xv. Dokumen Sekuriti Tidak Disempurnakan</p> <p>Jika mana-mana Dokumen Sekuriti tidak dapat disempurnakan atas apa jua alasan atau jika Dokumen Sekuriti yang perlu didaftarkan, tidak dapat didaftarkan atau tidak sah atas apa jua alasan.</p> |

| 23 | RIGHTS OF BANK ISLAM ON DEFAULT | 23 | HAK BANK ISLAM KETIKA BERLAKU KEMUNGKIRAN |
|-------------|--|-------------|--|
| 23.1 | <p>If any of the Event of Default occurs:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bank Islam is entitled with prior notice to the Customer to suspend further utilisation of any or all of the Facility, or to reduce the limit or amount made available under the Facility; and ii. Bank Islam's Sale Price will immediately become due and payable, regardless of any provision of this T&C to the contrary. | 23.1 | <p>Sekiranya ada Kejadian Mungkir berlaku :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bank Islam berhak dengan notis kepada Pelanggan untuk menggantung penggunaan sebahagian atau kesemua Kemudahan, atau untuk mengurangkan had atau amaun yang telah dibuat tersedia di bawah Kemudahan ini ; dan ii. Harga Jualan Bank Islam akan menjadi terhutang dan perlu dibayar, tanpa menghiraukan peruntukan T&C ini yang sebaliknya. |
| 23.2 | <p>If any of the Event of Default occurs, Bank Islam is also entitled to take such action whether on its own accord or through its agent(s) as may be appropriate against the Customer, including:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. right to recall or terminate the Facility or initiate a legal action for the recovery of Bank Islam's Sale Price (not limited to all costs incurred and fees payable by the Customer) during recovery process either before or after or concurrently with the action to enforce any of the Security Documents or available remedies under statute; and ii. to apply any credit balance in whatever currency standing to any account of the Customer with any office or branch of Bank Islam, towards satisfaction of Bank Islam's Sale Price. | 23.2 | <p>Sekiranya ada Kejadian Mungkir, Bank Islam juga berhak mengambil tindakan sama ada atas kehendaknya sendiri atau melalui ejennya yang sewajarnya terhadap Pelanggan, termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. hak untuk menarik balik atau menghentikan Kemudahan atau memulakan tindakan undang-undang untuk pemuliharaan Harga Jualan Bank Islam (tidak terhad kepada semua kos yang dikenakan dan bayaran yang harus dibayar oleh Pelanggan) semasa proses pemuliharaan sama ada selepas atau bersamaan dengan tindakan untuk menegakkan mana-mana Dokumen Sekuriti atau cara yang ada di bawah undang-undang; dan ii. untuk menggunakan baki kredit dalam mata wang apa pun yang terdapat di akaun Pelanggan bersama pejabat atau cawangan Bank Islam, untuk memenuhi Harga Jualan Bank Islam. |
| 23.3 | <p>Any part of the Facility not disbursed or utilised before the default may be cancelled by Bank Islam. Upon such cancellation, any part of the Facility already disbursed or utilised will become due and immediately payable on demand, regardless of any provision of this Agreement to the contrary.</p> | 23.3 | <p>Mana-mana bahagian Kemudahan yang belum dikeluarkan atau digunakan sebelum kejadian mungkir boleh dibatalkan oleh Bank Islam. Setelah pembatalan dibuat, mana-mana bahagian Kemudahan yang telah dikeluarkan atau digunakan akan menjadi terhutang dan perlu dibayar serta merta atas permintaan, tanpa menghiraukan mana-mana peruntukan yang berlawanan dalam Perjanjian ini.</p> |
| 23.4 | <p>Notwithstanding any provision hereof, it is hereby expressly agreed that upon the occurrence of an Event of Default, Bank Islam shall thereafter have the right to exercise all or any remedies available whether by the Security Documents or by statute or otherwise and shall be entitled to exercise such remedies concurrently to recover all monies due and owing to Bank Islam.</p> | 23.4 | <p>Walau apa pun peruntukan di sini, dengan ini secara tegas dipersetujui bahawa apabila berlakunya Kejadian Mungkir, Bank Islam selepas itu berhak untuk menggunakan semua atau sebarang remedi yang ada sama ada oleh Dokumen Sekuriti atau oleh undang-undang atau sebaliknya dan berhak untuk menjalankan remedi tersebut secara bersamaan untuk mendapatkan kembali semua wang yang perlu dibayar dan tertunggak kepada Bank Islam.</p> |
| 24 | SERVICE FOR NOTICES, LEGAL PROCESS, ETC. | 24 | PENYAMPAIAN NOTIS, PROSES PERUNDANGAN, DLL. |
| 24.1 | <p>Any demand, notice, request or legal process required or permitted to be given or made under this T&C to Bank Islam or the Customer shall be in writing and in the case of Bank Islam shall be under the hand of any authorized officer of Bank Islam or a solicitor or firm of solicitors purporting to act for Bank Islam.</p> | 24.1 | <p>Apa-apa tuntutan, notis, permintaan atau proses perundangan yang dikehendaki atau dibenarkan untuk diberikan atau dibuat di bawah T&C ini kepada Bank Islam atau Pelanggan hendaklah secara bertulis dan bagi Bank Islam hendaklah diterima oleh mana-mana pegawai Bank Islam yang diberi kuasa atau peguam cara atau firma guaman yang bertindak bagi pihak Bank Islam.</p> |

| | | | |
|--------------------|---|--------------------|--|
| <p>24.2</p> | <p>Any such demand, notice, request or legal process shall be deemed as follows:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. sufficiently given or made if sent by ordinary or registered post sent to the respective address of the parties hereto; or ii. served on and duly received by the intended recipients after the expiration of five (5) days from the date it is posted; or iii. if delivered by hand or send by courier to the party to be served on his or its solicitors, on the day it was delivered; or iv. if sent by electronic mail to the email address of the recipient, in which case it shall be deemed to have been given on the date of receipt of the electronic mail, or the date of transmission if no delivery failure message is received. | <p>24.2</p> | <p>Apa-apa tuntutan, notis, permintaan atau proses perundangan tersebut hendaklah disifatkan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. telah diberikan atau dibuat sewajarnya jika dihantar melalui pos biasa atau berdaftar yang dikirimkan ke alamat kesemua pihak dalam dokumen ini; atau ii. hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan dan diterima sewajarnya oleh penerima-penerima berkenaan selepas tamat tempoh lima (5) hari dari tarikh ia dipos; atau iii. jika melalui serahan tangan atau kurier kepada peguam cara pihak yang hendak disampaikan, pada hari ia dihantar; atau iv. jika dihantar melalui mel elektronik ke alamat e-mel penerima, dalam hal ini ia akan dianggap telah diberikan pada tarikh penerimaan mel elektronik, atau tarikh penghantaran jika tiada mesej kegagalan penghantaran diterima. |
| <p>24.3</p> | <p>Any change in Customer's contact details shall only be effective or binding on Bank Islam upon actual notice in writing of the change of contact details received by Bank Islam. For avoidance of doubt, this provision shall not be affected or prejudiced by any subsequent change of the Customer's change of contact details where Bank Islam has no actual knowledge at the time the act or thing was done or carried out.</p> | <p>24.3</p> | <p>Sebarang perubahan dalam maklumat untuk menghubungi Pelanggan hanya akan berkuat kuasa atau mengikat Bank Islam setelah notis bertulis sebenar mengenai perubahan maklumat diterima oleh Bank Islam. Bagi mengelakkan keraguan, peruntukan ini tidak akan terjeaskan atau memudaratkan disebabkan oleh apa-apa perubahan maklumat untuk menghubungi Pelanggan di mana Bank Islam tidak mengetahuinya pada masa tindakan atau perkara tersebut dilakukan atau dilaksanakan.</p> |
| <p>25</p> | <p>PROCEEDS OF RECOVERY</p> | <p>25</p> | <p>HASIL DARI PEMULIHAN</p> |
| <p>26</p> | <p>All monies and assets held or received by Bank Islam shall (subject to the payment of debts which by law have priority) be applied:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Firstly: in payment of all costs, charges, expenses and liabilities incurred by Bank Islam and every receiver, attorney, agent, delegate or other persons appointed by Bank Islam under the Security Documents in recovering or taking any action to recover the Indebtedness; ii. Secondly: in or towards payment of the Indebtedness owing and payable to Bank Islam under the Security Documents; and iii. Thirdly: the surplus (if any) shall be paid to the Customer or any other person legally entitled to the surplus. | <p>26</p> | <p>Semua wang dan aset yang dimiliki atau diterima oleh Bank Islam hendaklah (tertakluk kepada pembayaran hutang yang perlu diutamakan oleh undang-undang) digunakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pertama: dalam pembayaran untuk semua kos, caj, perbelanjaan dan liabiliti yang ditanggung oleh Bank Islam dan setiap penerima, peguam, ejen, perwakilan atau orang lain yang dilantik oleh Bank Islam di bawah Dokumen Sekuriti dalam mendapatkan semula atau mengambil tindakan untuk mendapatkan bayaran Keterhutangan; ii. Kedua: dalam atau untuk pembayaran Bayaran Tertunggak yang perlu dibayar dan dibayar kepada Bank Islam di bawah Dokumen Sekuriti; dan iii. Ketiga: lebihan (jika ada) akan dibayar kepada Pelanggan atau orang lain yang berhak mendapat lebihan tersebut. |
| <p>26</p> | <p>DEFICIENCY IN PROCEEDS OF RECOVERY</p> | <p>26</p> | <p>KEKURANGAN HASIL DARI PEMULIHAN</p> |
| <p>26</p> | <p>The parties agree that, regardless of any other provisions contained in this T&C to the contrary:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. if the actual amount ultimately received by Bank Islam towards the Indebtedness under the terms of the Security Documents and/or on a sale or disposal of the assets or properties charged and/or assigned to Bank Islam under the Security Documents, after deduction of all fees (including but not limited to Bank Islam's solicitors fees on a solicitor and client basis), costs, rates, taxes and | <p>26</p> | <p>Setiap pihak bersetuju bahawa, selain dari peruntukan lain yang terkandung dalam T&C ini yang bertentangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. sekiranya jumlah sebenar yang diterima oleh Bank Islam terhadap Bayaran Tertunggak mengikut syarat Dokumen Sekuriti dan / atau penjualan atau pelupusan aset atau harta yang dikenakan dan / atau diserahkan kepada Bank Islam di bawah Dokumen Sekuriti, setelah ditolak semua yuran (termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran peguam Bank Islam atas dasar peguam dan pelanggan), kos, kadar, cukai dan pengeluaran lain atas aset atau |

| | | | |
|-----------|--|-----------|---|
| | <p>other outgoings on the assets or properties charged and/or assigned to Bank Islam under the Security Documents, in accordance with Clause 20 hereof is less than the amount due to Bank Islam under the Welcome Note and the Facility, the Customer will be liable for the amount of such shortfall; and</p> <p>ii. until payment is made for the amount of the shortfall, the Customer will (regardless of any foreclosure proceedings taken or sale made by Bank Islam) also pay Late Payment Charges on the amount of the shortfall at the prevailing Islamic Interbank Money Market Rate until full settlement of such shortfall and all other monies due and payable to Bank Islam.</p> | | <p>harta tanah yang dikenakan dan / atau diserahkan kepada Bank Islam di bawah Dokumen Sekuriti, sesuai dengan Fasal 16 di sini kurang daripada jumlah yang perlu dibayar kepada Bank Islam berdasarkan Surat Tawaran atau Tawaran dan Kemudahan, Pelanggan akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan jumlah yang tidak mencukupi tersebut;</p> <p>ii. sehingga pembayaran dibuat ke atas jumlah yang tidak mencukupi, Pelanggan akan (tanpa mengira sebarang proses penyitaan yang diambil atau penjualan yang dibuat oleh Bank Islam) juga akan membayar Caj Bayaran Lewat atas jumlah kekurangan pada Kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam yang berlaku sehingga penyelesaian penuh kekurangan tersebut dan semua wang lain yang terhutang dan perlu dibayar kepada Bank Islam.</p> |
| 27 | RIGHT OF BANK ISLAM TO CONSOLIDATION | 27 | HAK BANK ISLAM UNTUK PENYATUAN |
| | <p>Following an Event of Default, Bank Islam shall have the right to consolidate any or all accounts of the Customer with Bank Islam upon giving sufficient written notice to the Customer, and it is hereby expressly agreed and declared that this T&C shall not be satisfied except on payment by the Customer of not only all the Indebtedness but also all monies secured by any other agreements or security created by the Customer in favour of or vested in Bank Islam to secure the Facility.</p> | | <p>Setelah berlakunya Kejadian Mungkir, Bank Islam berhak menyatukan mana-mana atau semua akaun Pelanggan setelah memberikan notis bertulis secukupnya, dan dengan ini secara nyatanya telah bersetuju dan mengisytiharkan bahawa T&C ini tidak akan dipenuhi kecuali dengan pembayaran oleh Pelanggan yang mana bukan sahaja semua Keterhutangan tetapi termasuk semua wang yang bercagar oleh mana-mana perjanjian atau sekuriti yang diwujudkan oleh Pelanggan untuk Bank Islam bagi mendapatkan Kemudahan ini</p> |
| 28 | RIGHT OF BANK ISLAM TO SET OFF | 28 | HAK BANK ISLAM UNTUK TOLAK SELESAI |
| | <p>Following an Event of Default, and in addition to and without prejudice to the powers, rights and remedies in this T&C, if any amount payable hereunder is not paid or due and payable, the Customer hereby authorises Bank Islam to proceed with the right to set off against any of Bank Islam's lien against any Customer's asset in any currency which may at any time be in the possession of Bank Islam to the full extent of all amounts payable to Bank Islam hereunder PROVIDED ALWAYS THAT Bank Islam shall exercise its right to set off upon giving sufficient written notice to the Customer.</p> | | <p>Setelah berlakunya Kejadian Mungkir, dan sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada kuasa, hak dan remedi dalam T&C ini, sekiranya mana-mana jumlah perlu dibayar dalam dokumen ini tidak dibayar atau menjadi terhutang dan perlu dibayar, Pelanggan dengan ini membenarkan pihak Bank Islam untuk menolak selesai dengan mana-mana lien Bank Islam terhadap aset milik Pelanggan dalam mana-mana matawang pada bila-bila masa ia berada dalam pegangan Bank Islam setakat jumlah perlu dibayar kepada pihak Bank Islam dalam dokumen ini dengan syarat bahawa Bank Islam menggunakan haknya untuk menolak selesai setelah memberikan notis bertulis secukupnya kepada Pelanggan.</p> |
| 29 | RIGHT OF BANK ISLAM TO ACCELERATE PAYMENT | 29 | HAK BANK ISLAM UNTUK MEMPERCEPATKAN BAYARAN |
| | <p>Bank Islam shall have the right to demand the acceleration of a lump sum or part of the total payment for settlement of the Facility or the outstanding Bank Islam's Sale Price by utilising the amount available under the Customer's Marginal Deposit Account during the tenure or after maturity of the Facility in the event:</p> <p>i. there is any circumstances which negate any representation made by the Customer; or</p> <p>ii. if any representation or warranty made or deemed made by the Customer proves to have been incorrect or misleading in any respect on or as of the date made or deemed made or if repeated at any time by reference to the facts and circumstances subsisting at such time would not be accurate in all respects; or</p> <p>iii. if there is any breach of the terms and conditions of the Facility; or</p> <p>iv. of such other events as communicated by Bank Islam from time to time.</p> | | <p>Bank Islam berhak untuk menuntut percepatan pembayaran sejumlah besar atau sebahagian daripada jumlah pembayaran untuk penyelesaian Kemudahan atau Harga Jualan Bank Islam yang tertunggak dengan menggunakan amaun yang tersedia di bawah Akaun Deposit Marginal semasa tempoh atau selepas kematangan Kemudahan sekiranya:</p> <p>i. terdapat sebarang keadaan yang menafikan sebarang representasi yang dibuat oleh Pelanggan; atau</p> <p>ii. jika sebarang representasi atau jaminan yang dibuat atau dianggap dibuat oleh Pelanggan terbukti tidak betul atau mengelirukan dalam apa jua aspek pada atau dari tarikh yang dibuat atau dianggap dibuat atau jika diulang pada bila-bila masa dengan merujuk kepada fakta dan keadaan yang wujud pada masa tersebut tidak akan tepat dalam semua aspek; atau</p> <p>iii. jika terdapat sebarang pelanggaran terma dan syarat Kemudahan; atau</p> <p>iv. peristiwa lain sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank Islam dari semasa ke semasa.</p> |

| | | | |
|----|--|----|--|
| 30 | RIGHT TO OUTSOURCE DEBT COLLECTION FUNCTION AND SELL NON-PERFORMING FINANCING | 30 | HAK UNTUK MENYERAH TUGAS PEMUNGUTAN HUTANG DAN MENJUAL PEMBIAYAAN TAK BERBAYAR |
| | The Customer hereby agrees that Bank Islam shall have the right to outsource its debt collection function or sell or transfer its financing assets, including non performing financing to any agencies, companies, licensed financial institutions or third party approved by the relevant authorities with sufficient notice to the Customer. | | Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank Islam berhak menyerahkan tugas fungsi pemungutan hutangnya atau menjual atau memindahkan aset pembiayaannya, termasuk pembiayaan tak berbayar kepada mana-mana agensi, syarikat, institusi kewangan berlesen atau pihak ketiga yang diluluskan oleh pihak berkuasa dengan notis yang mencukupi kepada Pelanggan. |
| 31 | CROSS DEFAULT The Customer hereby agrees that if any sums shall be due from the Customer to the Bank at any time or if the Customer may be liable to the Bank on any account with Bank Islam or if Customer's default in any provisions of such account or in any other banking facilities granted by the Bank or in any of the provisions herein, then in any such event, the monies hereby secured together with all monies payable under such account or other banking facilities aforesaid shall immediately become due and payable and the security herein shall become immediately enforceable. | 31 | MUNGKIR SILANG Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa sekiranya sejumlah wang menjadi terhutang daripada Pelanggan kepada Bank pada bila-bila masa atau sekiranya Pelanggan bertanggungjawab kepada Bank Islam ke atas mana-mana akaun dalam mana-mana kemudahan perbankan yang telah diluluskan pihak Bank atau dalam mana-mana peruntukan dalam dokumen ini, maka dalam kejadian tersebut, wang yang dengan ini bercagaran bersama semua wang perlu bayar bawah akaun tersebut atau kemudahan perbankan yang lain yang disebutkan akan serta merta menjadi terhutang dan perlu dibayar dan sekuriti dalam dokumen ini akan dikuatkuasakan serta merta. |
| 32 | RIGHT TO DEBIT ACCOUNT | 32 | HAK UNTUK MENDEBITKAN AKAUN |
| | The Customer agrees that Bank Islam, by giving sufficient notice shall have the right to debit the Customer's current or any other account(s) maintained with Bank Islam (including to liquidate account which give effects to premature redemption) for payment of any Profit and/or principal due and payable to Bank Islam, Takaful contribution, fees, charges and any other monies due and payable under the Facility, as stated in any terms and conditions, product disclosure sheet, Bank Islam's corporate website and/or as communicated by Bank Islam from time to time. | | Pelanggan bersetuju bahawa Bank Islam, dengan memberi notis secukupnya berhak untuk mendebitkan akaun semasa Pelanggan atau mana-mana akaun lain dengan Bank Islam (termasuk menutup akaun yang akan menyebabkan penebusan pramatang) bagi pembayaran apa-apa Keuntungan dan/atau prinsipal yang terhutang dan perlu dibayar kepada Bank Islam, sumbangan Takaful, fi, caj dan apa-apa wang lain yang terhutang dan perlu dibayar di bawah Kemudahan ini, seperti yang dinyatakan dalam mana-mana terma dan syarat, lembaran maklumat produk, laman web korporat Bank Islam dan/atau seperti yang dimaklumkan oleh Bank Islam dari semasa ke semasa. |
| 33 | STATEMENT OF ACCOUNT | 33 | PENYATA AKAUN |
| | A statement of account in writing stating the amount payable by the Customer in respect of the Facility issued by or on behalf of Bank Islam shall be conclusive, save for manifest error, that such amount is in fact due and payable by the Customer. | | Penyata akaun secara bertulis yang menyatakan jumlah yang perlu dibayar oleh Pelanggan berhubung dengan Kemudahan yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak Bank Islam adalah muktamad, melainkan jika terdapat kesilapan nyata, bahawa jumlah tersebut sebenarnya terhutang dan perlu dibayar oleh Pelanggan. |
| 34 | REVIEW, CANCELLATION, EXTENSION AND RENEWAL | 34 | SEMAKAN, PEMBATALAN, LANJUTAN DAN PEMBAHARUAN |
| | Subject to Clause 21 of this T&C, the Facility is granted conditional upon the Customer's conduct on the account is satisfactory at all times. Notwithstanding the above, Bank Islam reserves the right to modify this T&C, review periodically or recall the Facility pursuant to Clause 22. On such expiry or termination, all outstanding amounts together with all monies due to Bank Islam under the Facility will be immediately due and payable without further notice and demand. Bank Islam may upon the Customer's request renew the Facility subject to a new tenure and upon such terms and conditions. On such renewal, the Proceeds of the new facility shall be applied to pay all amounts outstanding and due to Bank Islam under the Facility. | | Tertakluk kepada Fasal 21 T&C ini, Kemudahan diberikan dengan syarat kelakuan Pelanggan terhadap akaun adalah memuaskan pada setiap masa. Walau bagaimanapun, Bank Islam berhak untuk mengubahsuai T&C ini, menyemak secara berkala atau memanggil semula Kemudahan mengikut Fasal 22. Pada tarikh tamat atau penamatan sedemikian, semua jumlah tertunggak bersama dengan semua wang yang terhutang kepada Bank Islam di bawah Kemudahan akan serta-merta menjadi terhutang dan perlu dibayar tanpa notis dan tuntutan lanjut. Bank Islam boleh, atas permintaan Pelanggan, memperbaharui Kemudahan tertakluk kepada tempoh baru dan terma serta syarat-syarat yang ditetapkan. Pada pembaharuan tersebut, Hasil daripada kemudahan baru akan digunakan untuk membayar semua jumlah tertunggak dan terhutang kepada Bank Islam di bawah Kemudahan. |

| | |
|---|--|
| <p>35 INDEMNITY</p> <p>In the event the Customer breach any of the provision of this T&C and/or Security Documents or commit any acts that may cause actions, proceedings, claims, demand and incurred any losses, damages, penalties and expenses to Bank Islam, the Customer shall at all times keep Bank Islam safe, harmless and indemnified against all actions, proceedings, claims, demand, losses, damages, penalties and expenses (including legal costs and expenses incurred on a solicitor and client basis) except where such actions, proceedings, claims, demand, losses, damages, penalties and expenses were directly attributable to Bank Islam's gross negligence, wilful default or fraud.</p> | <p>35 TANGGUNG RUGI</p> <p>Jika Pelanggan melanggar mana-mana peruntukan T&C ini dan/atau Dokumen Sekuriti atau melakukan apa-apa tindakan yang boleh menyebabkan tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan dan menanggung apa-apa kerugian, ganti rugi, penalti dan perbelanjaan kepada Bank Islam, Pelanggan hendaklah pada setiap masa memastikan Bank Islam selamat, tidak berbahaya dan menanggung rugi segala tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, kerugian, ganti rugi, penalti dan perbelanjaan (termasuk kos guaman atas dasar peguam cara dan anak guam) kecuali jika tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, kerugian, ganti rugi, penalti dan perbelanjaan tersebut secara langsung disebabkan oleh kecuaiian yang teruk, kemungkiran secara sengaja atau penipuan oleh Bank Islam.</p> |
| <p>36 WAIVER</p> <p>The rights of Bank Islam in relation to the Facility (whether arising under this T&C or under any applicable law) shall not be capable of being waived or varied otherwise than by an express waiver or variation in writing. In particular, any failure to exercise or any delay in exercising any of such rights shall not operate as a waiver or variation of that or any other such right. Any defective or partial exercise of any of such rights shall not preclude any other or further exercise of that or any other such right. No act or course of conduct or negotiation on Bank Islam's part or on its behalf shall in any way preclude it from exercising any such right or constitute a suspension or any variation of any such right.</p> | <p>36 PENEPIAN</p> <p>Hak Bank Islam berhubung dengan Kemudahan (sama ada yang timbul di bawah T&C ini atau di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai) tidak boleh diketepikan atau diubah selain daripada penepian nyata atau variasi secara bertulis; Khususnya apa-apa kegagalan untuk menjalankan atau apa-apa kelewatan dalam melaksanakan mana-mana hak tersebut tidak boleh bertindak sebagai penepian atau perubahan mana-mana hak; Sebarang kecacatan atau pelaksanaan sebahagian daripada mana-mana hak tersebut tidak boleh menghalang apa-apa pelaksanaan lain atau selanjutnya mengenai mana-mana hak; dan Tiada tindakan atau perlakuan atau rundingan di pihak Bank Islam atau bagi pihaknya dalam apa jua cara menghalangnya daripada melaksanakan mana-mana hak atau membentuk penggantungan atau sebarang variasi bagi mana-mana hak tersebut.</p> |
| <p>37 INDULGENCE</p> <p>The liability and obligations of the Customer shall not be impaired or discharged by any of the following reasons:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. any time forbearance; or ii. other indulgences being granted by or with the consent of Bank Islam to the Customer or to any person who or which may be in any way liable to pay any of the monies secured hereby; or iii. any other Security in favour of Bank Islam; or iv. any arrangement being entered into, or composition accepted by Bank Islam modifying the operation of law or otherwise the rights and remedies of Bank Islam under this T&C. | <p>37 KELONGGARAN</p> <p>Liabiliti dan obligasi Pelanggan tidak akan terjejas atau dilepaskan oleh mana-mana sebab berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. sebarang tolak ansur; atau ii. apa-apa kelonggaran lain yang diberikan oleh atau dengan kebenaran Bank Islam kepada Pelanggan atau kepada mana-mana orang yang mungkin, dalam apa jua cara, bertanggungjawab untuk membayar apa-apa wang yang dengan ini bercagar; atau iii. apa-apa Sekuriti lain untuk Bank Islam; atau iv. apa-apa pengaturan yang dibuat atau komposisi yang diterima oleh Bank Islam yang mengubah suai penguatkuasaan undang-undang atau selainnya hak dan remedi Bank Islam di bawah T&C ini. |
| <p>38 VARIATION OF TERMS</p> <p>Bank Islam shall be entitled to vary or amend the terms and/or conditions of this T&C subject to the Shariah rules and principles and by giving 21 days notice in writing to the Customer and such amendments and variations shall have similar effect as those hereinbefore referred to in this T&C and nothing herein shall be construed so as to restrict or curtail or prejudice any of the rights of Bank Islam herein to vary or amend the terms and/or conditions without the necessity to obtain the Customer's consent or confirmation.</p> | <p>38 PERUBAHAN SYARAT</p> <p>Pihak Bank Islam berhak mengubah atau meminda terma-terma dan/atau syarat-syarat T&C ini tertakluk kepada peraturan - peraturan dan prinsip - prinsip Syariah dengan memberi notis 21 hari secara bertulis kepada Pelanggan dan pindaan dan perubahan tersebut hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti yang dirujuk sebelum ini dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan tidak ada apa yang terkandung dalam ini boleh ditafsirkan sebagai melarang atau menyekat atau menjejaskan hak pihak Bank Islam dalam ini untuk mengubah atau meminda terma dan/atau syarat tanpa keperluan untuk mendapatkan persetujuan atau pengesahan Pelanggan.</p> |

| | | | |
|-----------|--|-----------|--|
| 39 | COSTS AND EXPENSES | 39 | KOS DAN PERBELANJAAN |
| | The Customer shall bear all stamp duties, fees, costs and expenses incurred in connection with or incidental to the Facility and/or Bank Islam's solicitors' fees (on a solicitors and client basis). In the event of any action of law whatsoever in relation to the Facility or any other instrument or document related thereto, the Customer in addition to all sums which the Customer may be called upon to pay to Bank Islam will pay Bank Islam's solicitors' fees (on a solicitors and client basis) and all other costs and expenses of such demand action or suit. | | Pelanggan hendaklah menanggung bayaran semua duti setem, fi, kos dan perbelanjaan yang dikenakan berhubung atau berkaitan dengan Kemudahan dan/atau fi peguam cara (atas dasar peguam cara dan anak guam). Sekiranya terdapat apa-apa jua tindakan undang-undang berkaitan dengan Kemudahan atau apa-apa surat cara atau dokumen lain yang berkaitan dengannya, Pelanggan, sebagai tambahan kepada semua jumlah yang diminta daripada Pelanggan untuk dibayar kepada Bank Islam, akan membayar fi peguam cara (atas dasar peguam cara dan anak guam) dan semua kos dan perbelanjaan lain bagi tuntutan, tindakan atau guaman tersebut. |
| 40 | EXPENDITURE INCURRED BY BANK ISLAM FOR AND ON BEHALF OF THE CUSTOMER | 40 | PERBELANJAAN YANG DITANGGUNG OLEH BANK ISLAM UNTUK DAN BAGI PIHAK PELANGGAN |
| | All monies expended by Bank Islam in relation to the Facility from time to time for and on behalf of the Customer and for its account shall be recoverable from the Customer and shall be repaid on demand. In default of payment, such monies shall to form part of the Indebtedness. | | Semua wang yang dibelanjakan oleh Bank Islam berkaitan dengan Kemudahan dari semasa ke semasa, untuk dan bagi pihak Pelanggan dan untuk kepentingannya, boleh didapatkan kembali daripada Pelanggan dan hendaklah dibayar balik apabila diminta. Jika berlaku kemungkiran pembayaran, wang tersebut hendaklah disifatkan sebagai membentuk sebahagian daripada Keterhutangan. |
| 41 | RECONSTRUCTION OF BANK ISLAM AND OBLIGATION OF CUSTOMER | 41 | PEMBENTUKAN SEMULA BANK ISLAM DAN OBLIGASI PELANGGAN |
| | The securities, rights, liabilities, obligations created pursuant to this T&C shall continue to be valid and binding for all purposes whatsoever notwithstanding any change by amalgamation, reconstruction or otherwise which may be made in the constitution of Bank Islam and similarly the liabilities and/or obligations created by this T&C shall continue to be valid and binding for all purposes whatsoever upon the Customer and the Customer shall remain liable in relation to the obligations and liabilities created herein. | | Sekuriti, hak, liabiliti, obligasi yang diwujudkan menurut T&C ini akan terus sah dan mengikat bagi apa jua tujuan walaupun apa-apa perubahan melalui penggabungan, pembentukan semula atau selainnya mungkin dibuat dalam perlembagaan Bank Islam dan begitu juga liabiliti dan/atau obligasi yang diwujudkan oleh T&C ini akan terus sah dan mengikat bagi apa jua tujuan ke atas Pelanggan dan Pelanggan akan tetap bertanggungjawab ke atas obligasi dan liabiliti yang diwujudkan dalam dokumen ini. |
| 42 | BENEFIT TO ASSIGN, SUCCESSORS, ETC. | 42 | MANFAAT KEPADA PENERIMA SERAH HAK, PENGGANTI, DLL. |
| | This T&C shall be valid and binding upon Bank Islam (and its successors in title and assignee) and the Customer (and their successors in title, heirs and assignee). The Customer may not assign its rights, obligations or any interest without full disclosure of the arrangement and prior written consent by Bank Islam. If Bank Islam discovers that there is non-disclosure of any material facts pertaining to the Customer's assignment, which if disclosed would affect Bank Islam's decision to agree to such assignment, Customer shall remain liable for all the obligations under this T&C. | | T&C ini adalah sah dan mengikat Bank Islam (dan pengganti hakmilik dan pemegang serah haknya) dan Pelanggan (dan pengganti mereka dalam hak milik, waris dan pemegang serah hak). Pelanggan tidak boleh menyerahkan hak, kewajipan atau apa-apa kepentingannya tanpa pendedahan penuh mengenai pengaturannya dan persetujuan bertulis Bank Islam terlebih dahulu. Jika Bank Islam mendapati tiada pendedahan apa-apa fakta penting yang berkaitan dengan serah hak Pelanggan, yang mana jika didedahkan akan menjejaskan keputusan Bank Islam untuk bersetuju dengan serah hak tersebut, Pelanggan akan tetap bertanggungjawab ke atas semua kewajipan di bawah T&C ini. |
| 43 | CHANGES IN LAW | 43 | PERUBAHAN UNDANG-UNDANG |
| | Notwithstanding any change in any applicable law or regulatory requirement which may become unlawful or to give effect to all or any of Bank Islam's obligations as contemplated by this T&C and the Security Documents, then, Bank Islam's obligation to disburse the Facility shall be terminated and the Customer shall on demand pay all Indebtedness under this Facility. | | Walau apapun perubahan dalam mana-mana undang-undang atau keperluan pengawal selia yang berkenaan yang mungkin menyalahi undang-undang atau untuk memberi kesan kepada semua atau mana-mana kewajipan Bank Islam seperti yang dipertimbangkan oleh T&C ini dan Dokumen Sekuriti, maka, kewajipan Bank Islam untuk mengeluarkan Kemudahan ini akan ditamatkan dan Pelanggan hendaklah atas permintaan membayar semua Keterhutangan di bawah Kemudahan ini. |

| | | | |
|-------------|--|-------------|---|
| 44 | INVALIDITY OF ANY PROVISION | 44 | KETAKSAHAN MANA-MANA PERUNTUKAN |
| | Any provision of this T&C which is invalid, unenforceable or prohibited shall not affect the validity or enforceability of the other provisions of this T&C. | | Mana-mana peruntukan dalam T&C ini yang tidak sah, tidak boleh dikuatkuasakan atau dilarang tidak akan menjejaskan kesahan atau kebolehkkuatkuasaan peruntukan lain dalam T&C ini. |
| 45 | FORCE MAJEURE (BEYOND CONTROL AND/OR UNFORESEEABLE CIRCUMSTANCES) | 45 | FORCE MAJEURE (KEADAAN DI LUAR KAWALAN DAN/ATAU YANG TIDAK DIJANGKA) |
| | Notwithstanding any provision of this T&C, Bank Islam shall not be liable for any failure on the part of Bank Islam to perform any obligation under this T&C resulting directly or indirectly from the action or inaction of any governmental or local authority or any strike, boycott, blockade, act of God, civil disturbance, epidemic or cause beyond the control of Bank Islam. | | Dengan tidak menyentuh mana-mana peruntukan dalam T&C ini, Bank Islam tidak akan bertanggung terhadap apa-apa kegagalan di pihak Bank Islam untuk melaksanakan apa-apa obligasi di bawah T&C ini yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan atau ketiadaan tindakan mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau tempatan atau apa-apa mogok, boikot, sekatan, bencana alam, gangguan awam atau sebab yang di luar kawalan Bank Islam. |
| 46 | CONNECTED PARTIES | 46 | PIHAK-PIHAK BERKAITAN |
| | The Customer hereby declares that none of the directors, guarantors, managers, agents, shareholders or employees of the Customer or the spouses, parents, children of such directors, guarantors, managers, agents, shareholders or employees are directors, officers or in any way otherwise connected with Bank Islam within the meaning stipulated under any guidelines, specifications, standards or circulars issued pursuant to the Islamic Financial Services Act 2013. | | Pelanggan dengan ini mengakui bahawa tidak seorang pun daripada pengarah, penjamin, pengurus, ejen, pemegang saham atau pekerja Pelanggan atau pasangan, ibu bapa, anak kepada pengarah, penjamin, pengurus, ejen, pemegang saham atau pekerja tersebut merupakan pengarah, pegawai atau dalam apa jua cara lain mempunyai kaitan dengan Bank Islam berdasarkan makna yang ditetapkan di bawah mana-mana garis panduan, spesifikasi, piawaian atau pekeliling yang dikeluarkan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. |
| 47 | DISCLOSURE OF INFORMATION | 47 | PENDEDAHAN MAKLUMAT |
| 47.1 | The Customer hereby expressly consents and/or authorise Bank Islam to disclose any information of the Customer which includes but not limited to personal data or information relating to the account, affairs or conduct of the account and/or banking facilities to the parties listed below ("Authorized Parties"): | 47.1 | Pelanggan dengan ini memberikan persetujuan dan/atau kebenaran secara nyata kepada Bank Islam untuk mendedahkan apa-apa maklumat Pelanggan termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat berkaitan dengan akaun, urusan atau pengendalian akaun dan/atau kemudahan perbankan kepada kesemua pihak yang disenaraikan di bawah ("Pihak yang Dibenarkan"): |
| | i. any officer, employee, agent or director of Bank Islam Group which includes the holding company(s) of Bank Islam, its subsidiaries, associated companies, affiliates, representatives and branch offices; | | i. mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau pengarah Kumpulan Bank Islam yang merangkumi syarikat induk Bank Islam, anak syarikat, syarikat berkaitan, sekutu, wakil dan pejabat cawangannya; |
| | ii. relevant third parties such as professional advisers, strategic business partners and alliances, service providers, insurers/ Takaful operators or insurance/ Takaful brokers, outsourced agents, merchants, vendors, business partners and business agents who supports the operational activities of Bank Islam and whom are under legal obligation to the confidentiality of Customer's information; | | ii. pihak ketiga berkaitan seperti penasihat profesional, rakan niaga strategik dan pakatan, penyedia perkhidmatan, pengendali insurans/ Takaful atau broker insurans/ Takaful, ejen khidmat luar, rakan dagang, vendor, rakan niaga dan ejen perniagaan yang menyokong aktiviti perniagaan Bank Islam dan mereka yang mempunyai obligasi undang-undang bagi kerahsiaan maklumat Pelanggan; |
| | iii. any actual or potential participants or assignee, novatee or transferee of Bank Islam's rights and/or obligations under any transaction between Bank Islam and the Customer (or any agents or professional advisers); | | iii. mana-mana peserta atau bakal peserta atau pemegang serah hak, novatee atau penerima pindahan hak dan/atau kewajiban Bank Islam di bawah mana-mana transaksi antara Bank Islam dan Pelanggan (atau mana-mana ejen atau penasihat profesional); |
| | iv. any rating agency or direct/ indirect provider of credit protection to Bank Islam; | | iv. mana-mana agensi penarafan atau penyedia perlindungan kredit kepada Bank Islam secara langsung/ tidak langsung; |

| | | | |
|------|--|------|---|
| | v. any party as required by any law or any government, quasi-government, administrative, regulatory/ supervisory body or authority, court or tribunal; | | v. mana-mana pihak seperti yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang atau mana-mana kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan atau pihak berkuasa kawal selia/ pengawasan, mahkamah atau tribunal; |
| | vi. any credit reference agency that Bank Islam uses for credit assessment or credit review of Customer and parties related to the facilities provided by Bank Islam to the Customer; | | vi. mana-mana agensi rujukan kredit yang digunakan oleh Bank Islam bagi penilaian kredit atau kajian semula kredit Pelanggan dan pihak yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh Bank Islam kepada Pelanggan; |
| | vii. any financial crime references agencies, other financial institution and any of their respective agents; | | vii. mana-mana agensi rujukan jenayah kewangan, institusi kewangan lain dan mana-mana ejen masing-masing; |
| | viii. any Security Party, Guarantor or collateral provider for the Customer's facilities; | | viii. mana-mana pihak yang memberikan sekuriti, penjamin atau penyedia cagaran untuk kemudahan Pelanggan; dan |
| | ix. any Educational Institution (if applicable); and | | ix. mana-mana Institusi Pendidikan (jika berkenaan); dan |
| | x. any parties who Bank Islam seeks employee reference from. | | x. mana-mana pihak yang dirujuk oleh Bank Islam untuk mendapatkan maklumat pekerja. |
| 47.2 | The Customer hereby expressly consents to such disclosure pursuant to the relevant provisions under the Islamic Financial Services Act 2013 and further confirms and declares that the terms contained in this T&C shall be in addition to and to be read together with the Privacy Notice in connection with the Personal Data Protection Act 2010 signed with Bank Islam (which includes any changes made by Bank Islam from time to time). In the event of any inconsistency between the terms contained in this T&C with the terms as set out in the Privacy Notice, the terms and conditions in the Privacy Notice shall prevail. | 47.2 | Pelanggan dengan ini bersetuju secara nyata dengan pendedahan tersebut menurut peruntukan yang berkaitan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan selanjutnya mengesahkan dan mengakui bahawa syarat yang terkandung dalam T&C ini adalah tambahan kepada dan hendaklah dibaca bersama dengan Notis Privasi berhubung dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang ditandatangani dengan Bank Islam (termasuk apa-apa perubahan yang dibuat oleh Bank Islam dari semasa ke semasa). Sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan antara syarat yang terkandung dalam T&C ini dengan terma-terma yang dinyatakan dalam Notis Privasi, terma dan syarat dalam Notis Privasi akan terpakai. |
| 47.3 | The above disclosure is subject at all times to any laws (including regulations, standards, guidelines and/or obligations) applicable to Bank Islam. In addition, this Privacy Notice serves as a consent for any credit reporting agency to disclose your credit information to Bank Islam pursuant to section 24(1)(a) of the Credit Reporting Agencies Act 2010. | 47.3 | Pendedahan di atas pada setiap masa tertakluk kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, piawaian, garis panduan dan/atau obligasi) yang terpakai untuk Bank Islam. Selain itu, Notis Privasi ini berfungsi sebagai persetujuan bagi mana-mana agensi pelaporan kredit untuk mendedahkan maklumat kredit anda kepada Bank Islam menurut seksyen 24(1)(a) Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010. |
| 48 | ANTI MONEY LAUNDERING AND COUNTER FINANCING OF TERRORISM | 48 | PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN KEGANASAN |
| | In order to comply with local or foreign law, regulations, voluntary codes, directives, judgments or court orders and any authorities, regulators or enforcement agencies, policies, good practice, government sanctions or embargoes, reporting requirements under financial transactions legislation and demands or requests of any authority, regulator, tribunal, enforcement agencies, exchange bodies, Bank Islam may: | | Bagi mematuhi undang-undang, peraturan, kod sukarela, arahan, penghakiman atau perintah mahkamah tempatan atau luar negara dan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia atau agensi penguatkuasaan, dasar, amalan baik, sekatan kerajaan atau embargo, keperluan pelaporan di bawah undang-undang transaksi kewangan dan permintaan atau permohonan daripada mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, tribunal, agensi penguat kuasa, badan pertukaran, Bank Islam boleh: |
| | i. be prohibited from entering or concluding transactions involving certain persons or entities (e.g. person or entity that is itself sanctioned or is connected to or dealing with (directly or indirectly) any person or entity that is sanctioned under economic and trade sanctions imposed by any regulator in any jurisdiction; | | i. dilarang daripada melaksanakan atau menyempurnakan transaksi yang melibatkan orang atau entiti tertentu (contohnya orang atau entiti yang dikenakan sekatan atau tidak langsung) dengan mana-mana orang atau entiti yang dikenakan sekatan ekonomi dan perdagangan oleh mana-mana pengawal selia di bawah mana-mana bidang kuasa; |

| | | | |
|-----------|---|-----------|--|
| | <p>ii. report suspicious transactions or potential breaches of sanctions to an authority in any jurisdiction to which the Bank may need or decide to disclose. These may include but not limited to:</p> | | <p>ii. melaporkan transaksi yang mencurigakan atau yang mungkin melanggar sekatan kepada pihak berkuasa di bawah mana-mana bidang kuasa yang kepadanya Bank mungkin perlu atau memutuskan untuk membuat pendedahan. Hal ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:</p> |
| | <p>a. transactions which involve the provision of finance to any person involved or suspected of involvement in terrorism or any terrorist act;</p> <p>b. transactions under investigation of an actual or attempted evasion of tax, investigation of or prosecution of a person for an offence against any applicable law; or</p> <p>c. transactions which involve persons or entities which may be the subject of sanctions;</p> | | <p>a. transaksi yang melibatkan peruntukan kewangan kepada mana-mana orang yang terlibat atau disyaki terlibat dalam keganasan atau apa-apa tindakan pengganas;</p> <p>b. transaksi yang sedang disiasat berhubung dengan tindakan atau percubaan mengelakkan cukai, siasatan atau pendakwaan seseorang bagi kesalahan melanggar mana-mana undang-undang yang berkaitan; atau</p> <p>c. transaksi yang melibatkan orang atau entiti yang mungkin menjadi subjek sekatan;</p> |
| | <p>iii. intercept and investigate any payment messages and other full information or communications sent to or by the Customer or on behalf of the Customer and may delay, block or refuse to make any payment and payment screening may cause a delay in processing certain information;</p> | | <p>iii. menyekat dan menyiasat apa-apa pesanan pembayaran dan maklumat lengkap atau komunikasi lain yang dihantar kepada atau oleh Pelanggan atau bagi pihak Pelanggan dan boleh melewatkan, menyekat atau menolak daripada membuat apa-apa pembayaran dan pemeriksaan pembayaran yang boleh menyebabkan kelewatan memproses maklumat tertentu;</p> |
| | <p>iv. take any action it believes to be necessary, which includes freezing of funds, preventing operation of an account, refusing a request for funds from the Customer, not allowing Customer to use a product, or delaying or cancelling a transaction. Bank Islam need not notify the Customer until a reasonable time after it is permitted to do so under those law or policies. Bank Islam will not be liable for any loss arising out of any action taken or any delay or failure by Bank Islam, in performing any of its duties or other obligations, caused in whole or in part by any steps taken as set out above; and</p> | | <p>iv. mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu, termasuk membekukan dana, menghalang pengendalian akaun, menolak permintaan dana daripada Pelanggan, tidak membenarkan Pelanggan menggunakan produk, atau melambatkan atau membatalkan transaksi. Bank Islam tidak perlu memberitahu Pelanggan sehingga masa yang munasabah selepas dibenarkan untuk berbuat demikian di bawah undang-undang atau dasar tersebut. Bank Islam tidak akan bertanggung atas apa-apa kerugian yang timbul daripada apa-apa tindakan yang diambil atau apa-apa kelewatan atau kegagalan oleh Bank Islam dalam melaksanakan mana-mana tanggungjawabnya atau kewajiban lain, yang disebabkan secara keseluruhan atau sebahagiannya oleh mana-mana langkah yang diambil seperti yang dinyatakan di atas; dan</p> |
| | <p>v. not accept any deposit of any money or cheques and/or allow or carry out any other transaction including withdrawals of money in respect of Customer's account including but not limited to any transfers and telegraphic transfer of moneys from or to Customer's account if Bank Islam has a reason to believe or is made aware of by third parties or relevant authorities that the Customer's account is being used for or implicated in fraud, potential fraud, financial crimes, illegal activities, soliciting illegal financial investment schemes, money laundering or terrorism financing activities. Bank Islam too shall (subject to the extent permitted by law), reserve the right to close, freeze or otherwise deal with the Customer's account as necessary.</p> | | <p>v. tidak menerima apa-apa deposit dalam bentuk apa-apa wang atau cek dan/atau tidak membenarkan atau melakukan apa-apa transaksi lain termasuk pengeluaran wang berkenaan dengan akaun Pelanggan, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pindahan dan pindahan telegraf wang daripada atau ke dalam akaun Pelanggan jika Bank Islam mempunyai sebab untuk mempercayai atau mendapat tahu daripada pihak ketiga atau pihak berkuasa yang berkaitan bahawa akaun Pelanggan digunakan untuk atau terabit dalam penipuan, kemungkinan penipuan, jenayah kewangan, aktiviti haram, pensolisitan skim pelaburan kewangan haram, aktiviti pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan. Bank Islam juga berhak (setakat yang dibenarkan oleh undang-undang), menutup, membekukan atau sebaliknya berurusan dengan akaun yang mana difikirkan sesuai.</p> |
| 49 | TIME | 49 | MASA |
| | <p>Time wherever mentioned shall be of the essence of this T&C.</p> | | <p>Masa apabila dinyatakan hendaklah menjadi inti pati dalam T&C ini.</p> |

| | | | |
|-----------|--|-----------|---|
| 50 | PREVAILING LANGUAGE | 50 | BAHASA YANG TERPAKAI |
| | This T&C has been drawn up in the English language. In case of discrepancies or inconsistencies between the English version of this T&C and Bahasa Malaysia version, the English version shall prevail. | | T&C ini berdasarkan versi Bahasa English. Jika terdapat percanggahan atau ketidaksamaan antara T&C versi Bahasa English dengan Bahasa Malaysia, versi Bahasa English akan terpakai. |
| 51 | GOVERNING LAW | 49 | UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI |
| | This T&C shall be subject to, governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia provided always that in the event there is a conflict between the laws of Malaysia and the Shariah rules and principles, the Shariah rules and principles shall prevail. | | T&C ini hendaklah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dengan syarat bahawa sekiranya terdapat percanggahan antara undang-undang Malaysia dengan peraturan dan prinsip Syariah, peraturan dan prinsip Syariah akan terpakai. |

Signed by Customer / Ditandatangani oleh Pelanggan

Signed for and on behalf of the Bank / Ditandatangani untuk dan bagi pihak Bank

.....
Name / Nama:

NRIC / No. Kad Pengenalan:

Date / Tarikh:

.....
Name / Nama:

NRIC / No. Kad Pengenalan:

Date / Tarikh: